# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN I | RABU 6HB JANUARI, 1982. | رابو 10 ربيع الاول 1402 | PERCHUMA


## Pegawai2 Kerajaan di-ingatkan:

# BAHARUI AZAM DAN TEKAD — Titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menyeru Pengarah2 Pentadbiran dan ketua2 jabatan kerajaan supaya membaharui tugas mereka pada menjalankan usaha serta ikhtiar dengan sentiasa berbudi bahasa serta aula bertata akhlak di-tahun 1982 ini.

Baginda Yang Dipertuan juga mengingatkan semua pegawai2 kerajaan pada membaharui azam dan tekad dalam melaksanakan tugas masing2 dengan penoh tanggong-jawab semata-mata untok kebajikan negara serta isi2 di-dalam-nya.

"Beta juga berharap supaya tahun 1982 ini akan membawa perubahan yang munafaat dalam mana jabatan2 kerajaan akan dapat meningkatkan hubongan kerjasama dan koordanasi dengan lebeh erat lagi dalam perkara2 yang mempunyai kepentingan bersama semata-mata untok melichinkan lagi pentadbiran Kerajaan Beta," titah Baginda.

### BERDAULAT

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian sempena menyambut tahun Baru 1982 yang telah di-siarkan melalui Radio dan Talivishen Brunei.

Kerana titah Baginda, dengan bermula-nya tahun 1982 ini, bermakna semakin dekat lagi kita ka-ambang saat Negeri Brunei yang akan menchapai semula taraf-nya sa-bagai sabuah negara yang berdaulat lagi penoh merdeka.

Tempoh masa yang sengkat itu, titah Baginda Yang Dipertuan selanjutnya, sewajar-nya-lah dari sekarang di-gunakan dengan sebaik2-nya tanpa bertanggoh pada melipat gandakan usaha2 yang berkebajikan sa-bagai persediaan bagi memasoki zaman baru yang penoh dengan chabaran terutama, dalam mengekalkan keamanan dan ketenteraman negeri ini.

### PENOH ERTI

Supaya dengan yang demikian titah Baginda, kemerdekaan itu nanti akan dapat di-chapai dengan penoh bererti dan dapat di-nikmati oleh seluroh lapisan raayat dan pendudok negeri ini.

Menyentoh mengenai dengan lawatan Baginda ka-jabatan2 kerajaan dan ka-mukim2 pada tahun lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa lawatan2 sa-demikian itu akan Baginda teruskan pada tahun ini.

"Beta dan ahli2 keluarga Beta dengan sukachita menguchapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 1982 kapada semua raayat dan pendudok negeri ini. Semoga Allah akan memelihara kita semua dan memberkati usaha2 berkebajikan yang akan kita laksanakan sapanjang tahun baru ini," titah Baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

## Pegawai2 Kerajaan di-seru supaya bersikap lebeh positif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kakitangan kerajaan samada yang berkontrek, mahu pun tetap atau bergaji hari dan saumpama-nya di-seru supaya dari sekarang mengubah sikap yang kurang positif kapada sikap yang lebeh positif.

Bagi mereka yang sudah pun berkechimpong dengan sa-benar2-nya dalam bidang pentadbiran supaya akan terus dapat melipatgandakan usaha serta azam dan tenaga.

### TANGGONG-JAWAB

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz menyeru demikian sempena Menyambut Tahun Baru 1982 yang telah disiarkan melalui Radio dan Talivishen.

Kapada raayat di-luar kerajaan, beliau juga berharap akan terus menimbulkan perasaan yang sama-sama bertanggong-jawab dan mengamalkan semangat berhidup yang lebeh mementingkan hasil tenaga sendiri daripada mengamalkan sifat2 yang lemah.

Dengan keyakinan sepenoh-nya terhadap usaha2 besar kerajaan, Yang Amat Berhormat berharap raayat dan pendudok negeri ini supaya menyedari tanggong-jawab pada memberikan khidmat bakti mereka dalam sama2 menjayakan ranchangan2 kemajuan yang sedang dan akan di-laksanakan oleh Kerajaan Baginda Yang Dipertuan.

Yang Amat Berhormat mengingatkan bahawa dalam amalan kerajaan menimbangkan sharat2 perkhidmatan yang lebeh lumayan, pegawai2 dan kakitangan kerajaan yang terdiri dari anak2 tempatan hendak-nya-lah menumpukan tenaga dan khidmat yang lebeh tinggi mutu-nya dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi.

### TATA-TERTIB

Ka-arah itu, jelas Yang Amat Berhormat, kerajaan tidak akan teragak-agak untok mengenakan tindakan tata-tertib terhadap mana2 jua kakitangan dan pegawai2 kerajaan yang melazimkan tabiat yang bertentangan dengan hasrat Kebawah DYMM yang menekankan semangat berdisiplin.

"Saya penoh perchaya dengan semangat yang dihasratkan itu dan dengan kualiti2, kualiti2 tenaga yang berkhidmat dengan kerajaan pada masa ini pegawai2 tempatan pada amnya ada-lah mempunyai kemampuan dan boleh menjayakan segala urusan bagi membaiki keadaan negeri ini dan bagi meninggikan taraf kehidupan raayat dan pendudok yang ikut serta berlindong di-bawah panji2 Kerajaan Baginda," ujar-nya.

Lihat muka 18

## Lebeh dua ribu mendaftar utk tunaikan fardhu haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengumomkan sa-ramai 2,359 orang telah mendaftar untok menunaikan fardhu haji ka-Mekah tahun ini. Sa-ramai 1,645 dari jumlah tersebut ada-lah dari Daerah Brunei dan Muara, 198 dari Daerah Belait, 413 dari Daerah Tutong dan 94 dari Daerah Temburong.

Pendaftaran untok menunaikan fardhu haji itu bermula bulan Nobember lepas dan berakhir pada hari Khamis minggu lepas. Bilangan bakal2 haji tahun ini ada-lah yang terbesar sa-jauh ini.

## Sambutan Maulud di-jangka lebeh meriah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan2 telah pun di-ator bagi sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., yang akan di-adakan sa-chara besar2an diseluroh negeri hujong minggu ini.

Sambutan pada tahun ini di-jangka akan lebeh meriah lagi dari tahun2 lalu. Ini ada-lah memandangkan ramai-nya peserta2 yang akan mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan yang akan di-adakan serentak di-ke-empat2 daerah diseluroh negeri pada hari Sabtu 9hb. Januari ini.

Di-Daerah Brunei-Muara, peserta2 akan berhimpun di-kawasan letak kereta berhadapan dengan Masjid Omar Ali Saifuddin sa-belum berarak mengelilingi ibu negeri. Manakala di-Daerah Tutong perhimpunan tersebut akan di-adakan di-Padang Seko-

Lihat muka 18

## Empat buah sekolah chapai 100 peratus lulus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hanya dua buah sekolah menengah dari aliran Melayu kerajaan tahun ini berjaya mengekalkan kelulusan sa-ratus peratus chalun2-nya yang mendudoki pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei tahun 1981 dari yang pernah di-chapai oleh sa-banyak lima buah sekolah menengah pada tahun 1980 yang lalu.

Sekolah2 tersebut ia-lah Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah (Lelaki) dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (Perempuan) masing2 dengan chalun 20 orang dan 35 orang.

Dari keputusan tersebut yang di-keluarkan awal minggu ini oleh Lembaga Pepereksaan Brunei menunjokkan keputusan yang di-chapai keselurohan-nya oleh chalun2 sekolah aliran Melayu berkurangan sa-banyak 1.50 peratus dari tahun lepas ia-itu 75.39 peratus kapada 73.89 peratus tahun ini.

Manakala keputusan perolehan pangkat juga maseh lagi belum menampakkan kemajuan dari yang pernah di-chapai oleh penuntut2 chalun aliran Inggeris.

Sa-ramai 471 orang penuntut aliran Melayu dari sembilan buah sekolah menengah yang mendudoki pepereksaan itu tahun lalu, hanya 348 orang lulus dengan 37 orang pangkat satu, 132 orang pangkat dua dan 179 orang pangkat tiga serta 123 orang gagal.

Di-dalam aliran Inggeris pula, chalun2 dari sekolah2 kerajaan menampakkan kelulusan yang baik dengan dua buah sekolah

Lihat muka 18

## Manis-nya Iman

**DI-RIWAYATKAN dalam kitab Ibnus Sunni daripada Anas r.a. bahawa ada-lah Rasulullah s.a.w. apabila melihat wajah Baginda di-dalam chermin, Baginda menguchapkan: "Alhamdulillah. Ya Allah! Sa-bagaimana telah Engkau elokkan kejadianku maka elokkan-lah juga perangaiku."—Hadith Nabi (Al-Azkar).**

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

6HB JANUARI, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## TAHUN BARU, AZAM BARU, PERUBAHAN BARU

PENGLAHIRAN azam, semangat, matalamat, dasar dan sa-umpama-nya ada-lah perkara yang biasa-nya akan di-timbulkan bilamana menghadapi tahun baru. Jangkaan orang terhadap tahun baru itu tidak lain melainkan mengharapkan sa-suatu yang baru termasok-lah perubahan2 yang lebeh praktikal dalam sudut2 yang melingkongi mereka. Maka semua orang mengharapkan sa-suatu yang lebeh baik. Kelumrahan ini di-sedari oleh semua pehak. Dalam hubongan-nya dengan negara kita terutama pada menghadapi sa'at kemerdekaan yang semakin dekat ini, maka kita merasakan-nya sa-bagai perkara yang penoh menchabar di-mana kita terpaksa bekerja lebeh keras, lebeh chermat, lebeh bersemangat dan lebeh yakin serta lebeh ta'at pada menatang dan menjunjong sa-tiap sudut yang di-amanahkan oleh negara.

Sa-bagai Kepala Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, di-sepanjang tahun 1981 telah menunjokkan kesunggohan yang lebeh mendalam dalam semua sudut yang berkait rapat dengan soal2 kesejahteraan raayat dan negara di-mana Baginda sendiri terpaksa bekerja keras untok menyelideki sendiri keadaan Mukim2 dan Kampong2. Sa-iring dengan itu juga, Baginda mengkaji sa-chara lebeh mendalam bagaimana bidang2 perlaksanaan yang berlaku dalam pentadbiran Jabatan2 Kerajaan Baginda. Tahun 1981, ada-lah jelas sa-bagai tahun penggerak yang begitu kental di-mana ia-nya telah dapat menghuraikan beberapa masaalah dalam perkara2 yang penting yang di-perlukan oleh zaman baru bagi Brunei itu. Persediaan2 bagi menghadapi zaman baru-nya itu, tidak sa-takat membekalkan raayat dengan semangat dan sikap yang lebeh aktib dan kemantapan pentadbiran yang di-dukong oleh dasar2 yang kukoh dan lurus, bahkan jalinan hubongan2 luar yang berteraskan kemuhibbahan telah dan sedang di-ator dengan lanchar-nya.

Majlis Mashuarat Negeri yang ke-19 yang sedang bersidang itu mempunyai significant sa-bagai "takah" yang menujolkan perkara2 besar yang sa-chara langsong mempersoalkan masaalah2 ketegohan Brunei di-dalam dan di-luar negeri. Masaalah ketegohan ekonomi negara dan jaminan2 terhadap-nya tidak semata2 menerusi tanaman negara melalui berbagai projek yang di-meterikan, tetapi mementingkan ketegohan tenaga penyelanggara yang bebas dari ketidak-jujoran, malah berpaut kapada Peratoran2 dan Undang2. Sa-bagai kawalan yang menyeluroh, Undang2 Penchegahan Rasuah di-kuatkuasakan oleh Baginda mulai 1hb Januari lepas dan ia-nya juga di-beri kuasa untok menghadapkan kesalahan2 rasuah yang di-lakukan sa-belum tarikh itu. Ia-nya juga ada-lah merupakan indok kapada undang2 yang lain yang juga mensharatkan penchegahan rasuah itu saperti Undang2 Pelabohan, 1981 dalam perkara kesalahan2.

Tidak shak lagi bahawa tahun 1982 ini pula ada-lah merupakan tahun bertindak yang memerlukan kesunggohan. Ini termasok-lah pada mengamat-amati langkah2 lama yang sama sekali tidak di-kehendaki oleh zaman baru negara kita itu. Maka itu ada-lah molek, zaman baru itu di-dampingi juga oleh azam yang baru dan sesuai dengan perubahan2 yang baru itu.

## Pengalaman yang di-lalui sepanjang tahun 1981 patut di-jadikan landasan

# 1982 TAHUN CHABARAN

**BERIKUT ia-lah perutusan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, sempena menyambut Tahun Baru Maschi 1982 yang telah di-siarkan melalui Radio dan Talivishen, Brunei pada minggu lalu.**

ALHAMDULLILLAH, kita bershukor kapada Allah s.w.t. kerana dengan keizinan-Nya serta dengan kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, maka kita dapat berada dalam suasana yang berbahagia, aman, sentosa dan makmor. Salawat dan salam bagi Nabi besar kita Muhammad s.a.w., kerabat Baginda, sahabat2 serta pengikut2 Baginda yang ta'at lagi setia sahingga ka-akhir zaman.

Tahun 1982 yang baru kita masoki ini ada-lah merupakan tahun yang penoh dengan chabaran istimewa chabaran2 dari segi isu2 yang harus kita selesaikan atau mulai di-selesaikan sa-belum menjelang-nya hari kemerdekaan penoh Negeri Brunei Darussalam yang terchinta ini.

Sa-telah meninggalkan tahun 1981 yang telah berlalu itu, seluroh raayat dan pendudok negeri ini, harus-lah dapat sama menilai pengalaman2 yang telah sama2 kita lalui sapanjang tahun itu, yang mana pengalaman2 sa-demikian patut-lah kita jadikan satu2 landasan bagi menghadapi chabaran2 di-tahun2 yang akan datang.

### KEIMANAN

Dengan sebab itu, raayat dan pendudok negeri ini yang telah di-korniakan oleh Allah s.w.t. pada melalui tahun2 yang sudah2 dengan penoh keimanan seharus-nya dapat menjelmakan diri sa-bagai raayat dan pendudok negeri ini yang lebeh matang dalam apa jua aspek kehidupan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah menitahkan hasrat Baginda antara lain untok menimbulkan sistem pentadbiran yang bertanggong-jawab, berdisiplin, berseh dan boleh pula memainkan peranan yang effektif apa-tah lagi Brunei Darussalam ini dengan izin Allah akan menchapai semula taraf kemerdekaan-nya nanti.

Ka-arah itu, beberapa perubahan telah di-lakukan dalam Kerajaan Baginda pada mensesuaikan dengan usaha2 yang akan di-jalankan oleh Kerajaan Baginda pada membisaikan dan meluruskan lagi pemerentahan dalam negeri ini serta perlaksanaan ranchangan2 kemajuan yang mana saya penoh yakin dengan izin Allah, dengan tekad dan kerjasama dari seluroh kakitangan dan pegawai2 Kerajaan Baginda serta dorongan dan sokongan daripada orang ramai, kita akan dapat menghampiri matalamat2 yang di-hasratkan itu.

### BERTANGGONG-JAWAB

Saya ingin menekan bahawa sa-bagai masharakat yang sepenoh-nya bertanggong-jawab, hendak-nya-lah sedar betapa penting-nya semangat keimanan itu pada memberikan kerjasama dan sumbangan dalam apa jua usaha yang berkebajikan.

Tempoh kita mengkeritik sesama sendiri, tempoh kita ancham mengancham sesama sendiri dan tempoh kita mengechil2kan usaha sesama sendiri ada-lah perkara lepas dan tidak boleh di-amalkan lagi. Raayat yang bertanggong-jawab ada-lah mereka yang boleh berhadapan dengan kenyataan dan berani memikul tanggong-jawab mereka. Di-sebalek-nya mereka yang segan berusaha dan hanya tahu untok berchakap2 di-sebalek dinding atau yang suka terus menjadi parasite tidak mempunyai tempat dalam masharakat kita ini dalam zaman baru kita.

Dengan keyakinan sapenoh-nya terhadap usaha2 besar Kerajaan Baginda, saya berseru sekali lagi kapada raayat dan pendudok negeri ini supaya menyedari akan tanggong-jawab dan dengan penoh keyakinan terhadap Kerajaan Baginda memberikan khidmat bakti mereka dalam ikut menjayakan ranchangan2 kemajuan yang sedang dan yang akan di-laksanakan oleh Kerajaan Baginda.

### PERKHIDMATAN

Kapada kakitangan dan pegawai2 Kerajaan yang terdiri dari orang2 tempatan, saya ingin mengingatkan, bahawa dalam amalan Kerajaan menimbangkan sharat2 perkhidmatan yang lebeh lumayan dan yang lebeh baik dari yang sudah2, kita sangat2 mengharapkan tumpuan tenaga dan khidmat yang lebeh tinggi mutu-nya dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi.

Ka-arah itu, dengan izin Allah Kerajaan tidak akan teragak2 untok mengenakan tindakan tata-tertib terhadap mana2 jua kakitangan dan pegawai2 Kerajaan yang melazimkan tabi'at2 yang bertentangan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok menekankan semangat berdisiplin itu.

Saya penoh perchaya dengan semangat yang di-hasratkan itu dan dengan kualiti2, kualiti2 tenaga yang berkhidmat dengan Kerajaan pada masa ini, pegawai2 tempatan pada am-nya ada-lah mempunyai kemampuan dan boleh menjayakan segala urusan bagi seterus-nya membaiki keadaan negeri ini, bagi meninggikan taraf kehidupan raayat dan pendudok yang ikut serta berlindong di-bawah panji2 Kerajaan Baginda.

### KEIKHLASAN

Dalam pada itu, saya penoh menyedari bahawa dengan ada-nya keperluan yang mendesak untok terus berkembang, kita maseh memerlukan tenaga2 tertentu dari luar negeri, istimewa pegawai2 profesional dan pakar2 serta pembantu2 dalam projek kemajuan Kerajaan Baginda. Kapada mereka ini, saya ingin menegaskan bahawa sunggoh pun tenaga mereka sangat2 di-perlukan tetapi Kerajaan Baginda tidak akan membiarkan orang2 yang ingin menchabuli keikhlasan ini. Mereka itu, tegas-nya, hendak-lah memahami kedudokan mereka dan Kerajaan tidak akan berlengah mengambil tindakan2 yang sesuai terhadap siapa jua yang tidak mengindahkan dan menyelewengkan kedudokan dan sifat bermurah hati Kerajaan itu.

Sa-tiap ranchangan kemajuan negeri akan terus menerus di-awasi dan di-teliti pada menentukan bahawa ranchangan2 kemajuan yang di-hasratkan akan memberikan faedah supaya sa-banyak2 itu akan menchapai matalamat2-nya dan kewangan yang begitu banyak yang di-churahkan akan benar2 menimbulkan menafa'at serta faedah kapada raayat keselurohan-nya.

### UBAH SIKAP

Oleh yang demikian, saya berseru kapada seluroh kakitangan Kerajaan sama ada berkontrek, mahu pun tetap atau bergaji hari dan seumpama-nya, dari sekarang untok mengubah sikap dari kurang positif kapada sikap yang positif dan bagi mereka yang sudah pun berkechimpong dengan sebenar2-nya dalam bidang pentadbiran, akan terus melipat-gandakan azam dan tenaga mereka dan kapada raayat yang di-luar Kerajaan, saya penoh berharap akan terus menimbulkan perasaan yang sama2 bertanggong-jawab dan mengamalkan semangat berhidup yang lebeh mementingkan hasil tenaga sendiri daripada mengamalkan sifat2 yang lemah.

Akhir-nya saya ingin menchatetkan uchapan terima kaseh dan penghargaan kapada seluroh kakitangan Kerajaan termasok-lah anggota2 Pasokan Bersenjata atas segala kerjasama yang di-sumbangkan dan di-berikan pada terus menuju ka-arah pentadbiran yang efficient, yang sempurna berdisiplin dan berseh. Dan kapada seluroh raayat dan pendudok negeri ini atas kesabaran dan sumbangan serta kerjasama yang telah mereka dengan ikhlas berikan, semoga sifat2 saperti ini akan terus di-lipat gandakan buat masa2 yang akan datang.

### TA'AT SETIA

Bagi pehak raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam yang terchinta ini, saya dengan penoh hormat dan ta'azim serta dengan menyusun jari sepuloh menyembahkan kahadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pembaharuan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi dan berdoa semoga Allah s.w.t. akan sentiasa mengorniakan hidayah, sehat walafiat bagi Baginda dan Kerabat Diraja, sentiasa dalam perlindongan dan keredhaan Allah jua.

**Amin Ya Rabbal Alamin.**
**Selamat Tahun Baru.**

LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

LIPUTAN : JA'AFAR IBRAHIM

# SELUROH PROJEK KERAJAAN UNTOK KESEJAHTERAAN RAAYAT

DALAM ranchangan kemajuan bagi tahun ini, semua projek2 kerajaan akan hanya di-laksanakan sa-chara sederhana ia-itu menurut apa yang lebeh afdhal dan di-fikirkan sesuai.

Kerana itu juga ada-lah menjadi dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok melaksanakan semua projek-nya yang di-ranchangkan untok kesejahteraan raayat serta isi di-dalam-nya.

Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap dalam membahaskan Undang2 Kumpolan Wang Kemajuan 1982 menjelaskan pada masa ini kita maseh kekurangan tenaga2 yang berkemahiran dan berpengalaman bagi melaksanakan projek2 tersebut.

Menjelaskan seruan ahli-ahli yang di-lantek supaya di-pesatkan lagi perusahaan2 perniagaan khusus-nya bumiputera, Yang Amat Berhormat itu memberitahu dewan perkara demikian juga menjadi hasrat kerajaan, tetapi malang-nya apa yang menjadi masaalah sekarang ia-lah tentang kesesuaian tapak bagi menempatkan bangunan-bangunan.

### PERUSAHAAN

Bagaimana pun ujar Yang Amat Berhormat itu, kerajaan tidak akan membangunkan perusahaan perniagaan kalau hanya sakadar untok di-sewakan oleh kaum bumiputera kapada orang2 asing bagi menjalankan-nya.

Dalam hubongan ini, jelas Yang Amat Berhormat itu, apa yang di-harapkan biar-lah perusahaan perniagaan itu akan di-usahakan sendiri oleh bumiputera.

Yang Amat Berhormat itu memberitahu, apabila projek letak kereta bertingkat yang di-ranchang oleh Kerajaan terlaksana ia-nya juga akan di-lengkapkan dengan perusahaan perniagaan bagi bumiputera.

Menjelaskan ranchangan perpindahan, Yang Amat Berhormat berkata, ia-nya bukan-lah terlambat atau di-lambatkan, sabalek-nya kerajaan berusaha sa-daya upaya bagi menchepatkan ranchangan tersebut.

### SERENTAK

Mengenai dengan jalan2 raya yang sering di-rombak balek pada masa ini, Yang Amat Berhormat itu memberitahu buat masa2 akan datang kerajaan akan berusaha melaksanakan projek2 berkenaan sa-rentak yang melibatkan jabatan2 Kerja Raya, Talikom dan Letrik.

Manakala pembenaan masjid2 pula, jelas Yang Amat Berhormat itu, ianya sudah menjadi dasar kerajaan untok berbuat demikian sa-mata2 bagi memudahkan raayat serta pendudok negeri ini untok beramal ibadat.

Dalam hal ini, tambahnya kerajaan sedang meranchang membena sabuah masjid untok pendudok2 Kampong Ayer disekitar Kampong Saba, Peramu dan Sungai Kebun, dengan keupayaan boleh menampong sa-hingga 1,500 orang jemaah.

Mengenai pembenaan balai2 raya, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menjelaskan ia-nya telah pun di-laksanakan, tetapi di-kesalkan kerana balai2 raya tersebut tidak di-gunakan dengan sa-baik2-nya, malah terdapat sa-tengah dari-nya dirosakkan oleh pehak2 yang tidak bertanggongjawab. Sebab itu, ujar-nya, kerajaan menanggohkan pembenaan balai2 raya pada masa ini.

Mengenai dengan kelinik2, Yang Amat Berhormat itu berkata, ia-nya merupakan salah satu infrastruktur kerajaan yang sa-mata2 bertujuan bagi mengekalkan kesihatan raayat serta pendudok negeri ini.

### PENEMPATAN

Bagaimana pun jelas Yang Amat Berhormat itu yang menjadi masaalah ia-lah melaksanakan penempatan kaki-tangan-nya yang mana pada masa ini kita kekurangan kaki-tangan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang2 rawatan perubatan.

Yang Amat Berhormat itu seterus-nya berkata bahawa perkhidmatan2 talipon, ayer dan letrik adalah mendapat subsidi daripada kerajaan yang bertujuan sa-mata2 untok meringankan beban raayat dan pendudok negeri ini.

Mengenai pertanian, kata Yang Amat Berhormat, pada masa ini, kerajaan belum berchadang untok menubohkan badan peladang saperti apa yang terdapat di-negeri jiran, bagaimana pun apa yang menjadi matalamat kerajaan ia-lah memberikan pendidekan pertanian kapada anak2 tempatan melalui Pusat Latehan Pertanian Sinaut yang di-hasratkan melahirkan petani2 muda sa-penoh masa.

### HASIL LADANG

Sa-hingga kini jelas Yang Amat Berhormat, pusat tersebut telah berjaya melahirkan petani2 muda yang mempunyai berbagai kemahiran dibidang berkenaan dengan mempunyai potensi serta semangat bagi menghasilkan hasil2 ladang.

Berhubong dengan 'cold storage' yang di-chadangkan oleh sa-orang ahli yang di-lantek, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar memberitahu perkara berkenaan maseh dalam perlaksanaan kerajaan di-mana ianya di-harapkan bagi menyimpan ikan2 di-samping harga2 ikan juga di-harapkan dapat di-stabilkan.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar kemudian-nya menguchapkan terima kaseh kapada ahli2 yang di-lantek dalam memberikan hujjah2 dan pandangan yang membena ketika membahaskan Undang-undang Kumpolan Wang Kemajuan 1982.

## Sifat sederhana dalam menggunakan peruntokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib menekankan peri mustahak-nya kita bersifat sederhana dan mengurangkan usaha2 pembaziran dalam menggunakan peruntokan2 yang telah di-sediakan oleh kerajaan bagi jabatan2 kerajaan.

Peruntokan yang di-sediakan bagi 45 buah jabatan2 kerajaan yang boleh di-laksanakan oleh Jabatan2 berkenaan, jelas Yang Berhormat ada-lah menchermінkan kemampuan kerajaan pada melaksanakan tugas2-nya.

Mengenai dengan kontrektor2 tempatan, Yang Berhormat itu mengakui bahawa kontrektor2 bumiputera ada-lah perlu untok di-bimbing dan mendapat bantuan serta sokongan daripada kerajaan yang mana kesukaran2 yang di-hadapi oleh pemborong2 bumiputera sa-jauh ini telah pun di-ambil perhatian oleh pehak kerajaan.

Kerajaan, kata-nya telah pun memberikan galakan serta dorongan bagi mengutamakan pemborong2 tempatan atau bumiputera supaya dapat mengushakan kerja2 yang tertentu.

Tetapi sa-balek-nya kerajaan, jelas Yang Berhormat itu lagi, meminta supaya pemborong2 bumiputera akan dapat memainkan peranan mereka dengan lebeh positif terhadap kemudahan2 yang di-sediakan oleh kerajaan tetapi bukan memberikan kesempatan2 yang baik itu kapada orang lain.

"Pemborong2 tempatan atau bumiputera perlu-lah membuat perinchian jika benar mereka suka berkechimpong dalam bidang tersebut dan hendak-lah mereka memutuskan saawal2-nya yang mereka akan menumpukan sapenoh perhatian dalam karrier mereka," jelas-nya.

"Dalam hal itu tidak ada short cut, tidak ada alternative atau tidak ada jalan lain perlu di-tempoh, kalau-lah mereka benar2 ingin menchapai kemajuan," kata-nya.

Kedudokan atau keadaan 'Ali Baba' tambah Yang Berhormat itu lagi, sudah tidak ada tempat-nya lagi dan jika keadaan itu berterusan maka itu bukan-lah kesalahan kerajaan.

Menyentoh mengenai dengan tudohan yang mengatakan kerajaan tidak menyedari akan tanggongjawab-nya terhadap kesukaran2 yang di-hadapi oleh raayat di-negeri ini, Yang Berhormat itu mensifatkan yang tudohan saumpama itu ada-lah tidak berasas.

## PEMBETULAN

SEDIKIT pembetulan mengenai dengan keterangan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz mengenai dengan permakanan dalam penerbangan Diraja Brunei yang di-nyatakan dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri pada 23hb. Disember yang lalu dan juga di-siarkan dalam akhbar ini, keluaran 30hb. Disember.

Laporan itu menyebut bahawa Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar memberikan jaminan yang segala makanan dan minuman yang di-hidangkan dalam kapalterbang Diraja Brunei itu di-tanggong halal.

Keterangan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar yang sebenar-nya ia-lah menyatakan rasa hati dan keinginan Yang Amat Berhormat itu, ingin menyembahkan jaminan yang segala makanan dan minuman yang di-hidangkan di-RBA itu halal. Ini bererti bahawa Yang Amat Berhormat itu berkeinginan agar segala makanan dan minuman yang di-hidangkan dalam kapalterbang RBA itu, semua-nya hendak-lah yang halal di-sisi Ugama Islam.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar memberi jaminan yang kedudokan makanan dan minuman dalam penerbangan Diraja Brunei itu akan di-siasat bagi mempastikan-nya, dan bagi keperluan2 mengatasi-nya.

### Undang2 Perhubongan Konsul 1982:

# PENTING UTK NEGARA YG AKAN MERDEKA

PEGUAM Negara, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas ketika membentangkan usol untok membahaskan Rang Undang2 Konvenshen Vienna Mengenai Perhubongan2 Konsul 1982 menjelaskan, undang2 berkenaan bertujuan untok membolehkan supaya penguat-kuasaan di-berikan kapada perjanjian2 lain berkenaan dengan perhubongan2 konsul dan untok mengadakan sharat selanjut-nya berthabit dengan perhubongan2 konsul diantara Brunei dengan negara2 lain serta perkara yang berbangkit dengannya.

Rang undang2 itu juga bertujuan untok menghadkan bidang kuasa makhamah berthabit dengan perkara2 tertentu berkenaan dengan atau yang berbangkit di-dalam kapal2 atau pesawat2 terbang tertentu untok membolehkan ejen2 diplomatik dan pegawai2 konsul mengambil sumpah dan melakukan tindakan2 notaris (notarial act) didalam perkara2 tertentu dan bagi maksud2 yang berkaitan dengan perkara itu.

Yang Amat Mulia itu seterus-nya menekankan, bahawa undang2 antarabangsa yang meliputi perhubongan konsul ada-lah terdapat dalam satu konvenshen antarabangsa yang bergelar Konvenshen Vienna Mengenai Perhubongan2 Konsul 1963.

Maka untok itu, jelas Yang Amat Mulia itu, undang2 berkenaan ada-lah wajar untok kerajaan mengemukakan dan menguatkuasakan, tambahan pula terdapat-nya bilangan konsul2 luar negeri yang dilantek bagi Negeri Brunei sunggoh pun mereka itu tidak diam di-negeri ini.

Di-samping rang undang2 berkenaan, tambah Yang Amat Mulia itu, dua lagi rang undang2 berkaitan dengan-nya juga di-bentangkan sa-bagai langkah untok persediaan bagi memenohi tanggong-jawab negara kita yang akan bertanggong-jawab sa-penohnya dalam bidang2 antarabangsa. Rang undang2 itu ia-lah, rang undang2 orang yang di-beri perlindongan antarabangsa dan rang undang2 perhubongan2 diplomatik.

Lihat muka 9

# AJARAN SESAT

## Bahagian IX

## PERKARA GANJIL (2)

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

ADA pun rahsia berlaku-nya perkara2 yang pelek dan ganjil serta luar biasa itu di-tangan orang2 yang sesat ia-lah kerana sa-tengah2 dari perkara yang pelek itu datang dari pehak ruh manusia. Apabila manusia berusaha dan bersunggoh2 menyalahi adat kebiasa-an dan kemahuan jisim dari perkara makan, tidor, perchakapan dan sa-umpama-nya maka zahir-lah daripada-nya beberapa perkara dari pekerjaan ruh.

Tetapi orang sesat dan batil tiada-lah terbit dari-pada-nya perkara yang ber-hubong dengan hak dan kebenaran. Hanya terbit daripada-nya perkara yang sesuai dengan kesesatan-nya itu. Dan yang pen-ting ia-lah perkara yang pelek dan ganjil itu tiada-lah menunjokkan tentang salah atau betul hal orang sesat itu dan tiada-lah menunjokkan tanda ia de-kat dan berdamping de-ngan Allah serta mendapat keredhaan Allah.

### BOLEH MEMBESAR

Ada pun perkara badan boleh membesar itu ada-lah suatu kesan ruh pada badan. Ia-nya boleh saja terjadi kapada orang2 yang di-atas landasan yang be-tul dan orang2 yang di-atas landasan yang salah.

### Siri ke-112

Sa-seorang dari Hadhra-maut datang kapada saya mencherita suatu yang pe-lek belaka ka-atas-nya. Ka-ta-nya, dia telah melazim-kan sembahyang malam (tahajjud) di-akhir malam sa-belum suboh sa-lama tiga puloh tahun. Tetapi menurut-nya pada kira2 tiga bulan yang lepas sa-waktu dalam wirid sa-telah sembahyang tahajjud itu dia melihat badan-nya membesar dan kembang sa-hingga merupakan suatu lembaga yang pelek. Ke-mudian bertukar semula kapada biasa. Kejadian itu, kata-nya, sangat me-nakutkan-nya lalu dia pun tidak lagi sembahyang ta-hajjud.

Saya telah menasehatkan orang itu supaya jangan meninggalkan sembahyang tahajjud dan jangan takut. Apa yang berlaku itu ia-lah suatu keadaan ruh di-mana ruh memberi per-tolongan kapada badan. Saya memberitahu-nya mu-dah2an perkara itu meru-pakan suatu permulaan yang baik bagi-nya. Lalu saya telah menghadiahkan kapada-nya kitab Riadhul Jannah Fi Azkari Kitab Was-Sunnah dengan me-minta-nya selalu mem-bacha kitab tersebut de-ngan harapan menahan-nya dari takut dan godaan shaitan.

Orang tersebut chuma-lah orang awam yang tiada berilmu. Tuboh badan-nya tinggi lampai. Kejadi-an yang di-alami-nya itu pernah berlaku kapada da-tok nenek kita dahulu dan juga kapada sa-tengah gu-ru2 kita dan guru2 mere-ka. Tetapi bagi mereka perkara itu tidak-lah mus-tahak dan mereka tidak mengambil berat mengenai-nya.

Begitu-lah hal-nya per-kara2 pelek itu berlaku ka-pada orang2 Brahaman di-India.

### TERANG HATI

As-Sheikh Ahmad bin Al-Mubarak telah menye-butkan dalam kitab Al-Ibriz Liz-Sayid Abdel Aziz Ad-Dabbagh, bahawa orang2 sesat itu mempu-nyai 'fatah' (terang hati) pada melakukan perkara dunia kerana MAKRUL-LAH (Allah membalas ti-pu helah mereka( dan ke-rana ISTIDRAJULLAH (Allah menyeksa mereka sa-chara beransor2), dan Allah akan menjauhkan mereka dari keredhaan-nya.

Yang penting ia-lah hak dan benar itu suatu chaha-ya yang menchuchorkan ka-atas badan ahlul hak. Dengan chahaya itu ter-panchar sinar ilmu ka-atas mereka. Sementara batil dan salah itu suatu gelap gelita yang menchuchorkan ka-atas badan ahlul batil lalu hitam legam-lah akal mereka, dan buta hati me-reka dari menemui yang hak dan benar; pekak te-linga mereka dari men-dengar perkara yang benar dan hak; bahkan sampai tiada lagi terlintas di-fikiran mereka perkara yang hak dan benar itu sa-olah2 hak dan benar itu ti-ada mempunyai hakikat sama sekali.

(Bersambong)

*WALLAHU A'ALAM.*

---

SA-TIAP menjelang-nya bu-lan Rabi'ul Awal, kita umat Islam di-negeri ini menyambut hari kelahiran Nabi Besar kita Muhammad s.a.w.

Pada tahun ini berbagai achara telah di-susun bagi me-nyambut hari yang bersejarah itu. Ini termasok-lah majlis zikir Maulud yang di-adakan di-semua masjid2 dan surau di-seluroh negeri. Majlis ter-sebut telah di-adakan sejak 28hb Disember yang lalu.

Achara kemunchak sambut-an pada tahun ini ia-lah per-himpunan dan perarakan rak-saksa yang akan di-adakan sa-rentak di-ke-empat2 daerah di-negeri ini pada hari Sabtu, 9hb Januari.

Gambar ini menunjokkan majlis zikir Maulud yang di-adakan di-beberapa buah mas-jid sejak minggu lalu.



Masjid Mohammad Bolkiah, Jalan Muara.



Masjid Setia Ali, Muara.



Masjid Omar Ali Saifuddin.



Masjid Kampong Sengkurong.



Masjid Mohammad Alam, Seria.



Masjid Kampong Bunut.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong** mulai dari hari Rabu 6hb Januari, 1982 hingga ka-hari Selasa 12hb Januari, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini :

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 7hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 8hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 9hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 10hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 11hb Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 12hb Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

### *UNTOK MELICHINKAN PENTADBIRAN KERAJAAN:*

# SEMANGAT BEKERJA PERLU DI-TINGKATKAN

MARI-lah kita sama2 meningkatkan rasa takwa kapada Allah dengan sebenar2-nya dengan menegohkan iman, beramal saleh dan menjauhi segala larangan2-nya.

Pada hari ini tiba-lah pula tahun baru Masehi ia-itu tahun 1982. Mulai awal tahun ini beberapa perubahan mengenai waktu2 bekerja dan kedudokan pekerja2 bergaji hari di-sektor kerajaan telah bermula sa-bagaimana yang telah di-umumkan oleh Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj. Abdul Aziz, Pemangku Menteri Besar Brunei, kira2 dua minggu yang lalu.

Menurut pengumoman Yang Amat Berhormat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan bahawa pekerja2 bergaji hari kerajaan mulai 1982 ini yang telah berkhidmat dengan kerajaan Duli Yang Maha




Mulia sa-lama lima tahun boleh di-pertimbangkan untok di-tingkatkan bergaji bulan, sedangkan sabelum ini pertimbangan sademikian hanya akan dibuat sa-sudah berkhidmat sa-lama sa-puloh tahun.

Dengan ada-nya peratoran baru ini sudah tentu-lah bertambah lagi satu kebajikan bagi pekerja2 bergaji hari yang mana sa-sudah mereka bergaji bulan kelak dapat-lah mereka menekmati beberapa kemudahan yang tiada mereka nekmati sa-lama bergaji hari. Dan dengan ada-nya peratoran baru itu juga pasti-lah memberikan jaminan hidup yang lebeh baik kapada mereka. Oleh yang demikian memang wajar-lah para pekerja menyahut seruan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar supaya mereka meningkatkan lagi mutu pekerjaan dan perkhidmatan mereka.

### TUGAS MASING2

Kerajaan dapat kita misalkan sa-bagai sa-buah jentera yang terdiri daripada berbagai2 anggota yang mempunyai tugas masing2. Tiap2 anggota, besar atau kechil, sama penting-nya untok kelichinan perjalanan jentera itu. Misal-nya roda kereta yang besar tidak akan dapat menjalankan kereta kalau 'felag' yang kechil dalam injin itu kotor dan tidak mahu menyala serta mengerakkan injin kereta itu. Demikian juga sa-seorang buroh yang chuai dalam menjalankan tugas yang di-perentahkan oleh ketuanya, akan mengendalikan kerja pegawai di-atas. Demikian-lah tiap2 kerja saling berganti bantong antara satu dengan lain untok kelancharan perjalanan kerajaan. Kalau sa-tiap pekerja membuat pekerjaan masing2 dengan sa-baik2-nya, ini bermakna tiap2 anggota memberi sumbangan kapada perjalanan kerajaan, dan bererti memberikan khidmat yang baik kapada kerajaan.

Kerajaan telah menyediakan berbagai2 kemudahan yang sangat memberi erti dan kebajikan kapada kakitangan-nya dengan berharap supaya sa-tiap kakitangan kerajaan itu bekerja dengan rajin, tekun, ikhlas, jujor dan bertanggong-jawab, supaya matalamat kerajaan dapat di-chapai dengan mudah dan sempurna. Perkara ini wajar sangat kita fahami dan sedari bersama2 jangan sampai gaji yang kita terima itu tiada padan dan tiada sa-imbang dengan nilai kerja yang kita buat.

Rasulullah s.a.w., dalam sa-buah hadith Baginda ada memberikan pujian kapada sa-siapa jua pekerja yang membuat kerjanya dengan rapi, sabda Baginda yang bermaksud kira2: *"Allah suka akan hamba-nya apabila ia melakukan sa-suatu pekerjaan, di-buat-nya dengan rapi."*

### LEBEH TAHU

Tiap2 orang yang bekerja pada suatu pekerjaan akan lebeh tahu tentang kerja-nya itu daripada ketua-nya. Dia-lah yang lebeh tahu apa2 kesukaran yang di-hadapi dan bagaimana kerja itu boleh diperbaiki. Kerana itu pekerja yang baik pasti-lah akan sentiasa berusaha memperbaiki pekerjaannya. pekerja2 yang membuyok dapat di-masokkan dalam golongan orang yang menipu, yang dilarang sangat oleh ugama Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w., yang kira2 bermaksud: *"Barang siapa yang menipu maka dia bukan-lah dari golongan kita."* Dalam satu hadith yang lain Baginda telah bersabda kira2 bermaksud: *"Barang siapa menipu kita maka bukan-lah dia daripada golongan kita."*

Kerana itu-lah As-Sheikh Ibnu Hajjar dalam kitab-nya bernama Ajjawajir mengatakan bahawa menipu dalam perniagaan dan lain2-nya ada-lah merupakan dosa besar yang kedua ratus.

Dengan ada-nya kemudahan baru yang di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi pekerja2 bergaji hari kerajaan Baginda itu, mari-lah kita meningkatkan lagi semangat dan minat kita bekerja bagi menchapai mutu dan hasil kerja yang lebeh baik daripada yang sudah2, beserta dengan rajin, jujor dan ikhlas. Mudah2an dengan demikian akan bertambah lanchar-lah perjalanan kerajaan pada menuju segala matalamat yang di-chita2kan.

# Nabi Muhammad s.a.w. penganjor yang agong

**Bingkisan minggu ini**

DI-SAAT kita merayakan hari keputeraan junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w., memang sudah sa-layak-nya kita sama2 memperingati sambil mengenang kembali kesah2 sejarah perjuangan yang di-laksanakan oleh Baginda s.a.w., ia-itu bagaimana chara-nya Baginda s.a.w., menyiarkan dan mengembangkan Ugama Islam kapada kaum Quraish dan kaum2 lain di-Semenanjong Tanah Arab am-nya hingga-lah akhir-nya ia-nya tersiar ka-seluroh pelusok dunia.

Satu hakikat yang tidak dapat di-nafikan oleh sa-siapa pun bahawa Nabi Muhammad s.a.w., ada-lah sa-orang penganjor, sa-orang pemimpin agong dan sa-orang pejuang umat manusia yang sa-benar2-nya. Kerana itu-lah dunia menjadi kagum kerana perjuangan Baginda yang begitu hebat dan berat, telah dapat di-laksanakan dalam waktu yang sa-singkat2-nya.

### DI-PUTERAKAN

Junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w., telah di-puterakan di-Negeri Mekkah pada 12hb Rabi'el Awal, Tahun Gajah, bersamaan dengan 20hb. April tahun 751 Masehi. Baginda s.a.w., telah di-utus menjadi Nabi dan Rasul sa-telah Baginda s.a.w., berusia 40 tahun dan Baginda s.a.w., telah wafat dalam usia 63 tahun.

Jadi ini bererti Baginda s.a.w., hanya berkesempatan mengembangkan Ugama Islam dalam masa lebeh kurang 23 tahun sahaja, ia-itu 13 tahun di-Kota Mekkah dan 10 tahun di-Kota Medinah ia-itu sa-telah Baginda s.a.w., berhijrah ka-kota tersebut.

Tugas2 mengembangkan Ugama Islam sa-telah Baginda s.a.w., wafat telah di-sempurnakan oleh para Khulafa'ur Rashidin, dari sejak perkembangan di-zaman Khulafa'ur Rashidin ini-lah Ugama Islam kian berkembang dari Semenanjong Arab hingga-lah membawa ka-negeri2 di-Asia Tengah dan sa-terus-nya ka-gugusan kepulauan Melayu.

### MENGKAGUMKAN

Perkembangan pesat Ugama Islam itu telah mengkagumkan dan mengembirakan, bahkan telah menyebabkan musoh2 Islam merasa dengki, chemburu serta iri hati sa-hingga akhir-nya mereka melimparkan berbagai tudohan2 liar yang provakatif terhadap Ugama Islam dan Ketokohan Nabi Muhammad s.a.w., sendiri. Hingga ada yang mengatakan bahawa Islam hanya tersiar dengan mata pedang (peperangan), mereka memaksa semua orang memelok Ugama Islam dan mereka yang tidak mahu memelok Ugama Islam di-aniaya dan di-perangi, dan bermacham2 lagi tudohan liar di-limparkan oleh musoh2 Islam di-sebabkan iri hati mereka terhadap perkembangan Ugama Islam.

Pada hal dari ajaran2 Islam yang telah di-firmankan oleh Allah s.w.t. di-dalam Al-Kor'an ada menyebutkan:

لا كراه في الدين

di-ayat 256, Surah Al-Baqarah, yang membawa maksud kira2: "Tidak ada paksaan dalam berugama (Islam)."

### KESEMPATAN

Di-sini dapat-lah kita memberi maksud bahawa manusia itu tidak di-paksa mesti memelok Ugama Islam, bahkan di-berikan kesempatan untok berfikir dengan sa-bebas2-nya, di-berikan peluang untok berfikir dengan akal-nya yang sehat dan waras, sebab dari ajaran2 Ugama Islam telah di-jelaskan mana yang baik itu-lah yang patut di-ambil dan di-taati, dan mana yang burok itu-lah yang patut di-tinggalkan dan di-jauhi, kapada akal-lah yang memikirkan pilehan kapada kedua2 perbezaan itu. Ugama Islam tidak memaksa dan memberati.

Timbul dari iri hati musoh2 Islam ini-lah berbagai fitnah dan chachian telah di-buat oleh Orientalis2 Barat terhadap Ugama Islam dan Nabi Muhammad s.a.w. Tetapi sa-banyak itu chachian di-terima, sa-banyak itu-lah pula pujian dan sanjongan yang memuja dan menyukai Ugama Islam dan penganjor-nya.

### AHLI FIKIR

Di-antara sanjongan yang di-buat oleh orang2 yang bukan berugama Islam dan penganjor-nya ia-itu Nabi Muhammad s.a.w., ia-lah datang-nya dari sa-orang ahli fikir dan pujangga Inggeris yang termashor George Bernard Shaw, yang pernah berkata "Ugama Islam perlu untok mengubati penyakit kemanusiaan. Orang yang berkemajuan sekarang sudah mulai insaf akan hakikat-nya. Berat sangkaanku untok mengatakan bahawa dua abad lagi kemudian, orang2 akan memelok Ugama Islam semuanya."

Itu-lah di-antara kata2 yang mendewa2kan keagongan Ugama Islam dan penganjor-nya, sa-sunggohnya banyak-lah lagi kata2 sa-umpama itu yang telah di-luahkan oleh ahli2 fikir barat bagi mengakui akan ketokohan dan kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w., dan ugama yang di-bawanya.

Dari pengakuan2 ahli2 fikir dan pujangga2 Barat yang bukan terdiri dari orang Islam itu, maka sa-bagai kesimpulan kita bahawa kata2 keji dan penghinaan2 yang di-lakukan oleh orientalis2 Barat itu ada-lah merupakan suatu kata2 yang chemburukan ketokohan dan kepimpinan Nabi Besar kita Muhammad s.a.w., dan Ugama Islam yang di-bawanya.

### TEBAL IMAN

Bagi orang2 yang mengerti dan mengetahui serta bagi orang2 yang tebal iman dan keperchayaan-nya mengenai Ugama Islam, tidak-lah perlu lagi di-laung2kan tentang keagongan dan kemurniaan Ugama Islam, kerana Ugama Islam itu ada-lah ugama yang membawa kesempurnaan hidup manusia di-dunia dan di-akhirat. Ugama yang membawa manusia ka-jalan yang lurus, jalan yang di-redhai oleh Allah s.w.t. Dan Ugama Islam itu ada-lah satu2-nya Ugama yang di-redhai Allah sa-bagaimana Firman Allah di-dalam Al-Kor'an ayat 19, Surah Ali-Imran — yang membawa maksud kira2: "Bahawa sa-sunggoh-nya ugama yang di-redhai Allah ia-lah Ugama Islam."

Itu-lah ugama yang di-bawa oleh sa-orang pesuroh Allah yang paling agong dan penutop sekalian para Anbia dan Rasul yang di-utus oleh Allah s.a.w., ka-alam maya ini ia-itu Nabi Muhammad s.a.w., yang kita peringati dan rayakan hari keputeraan-nya pada sa-tiap menjelang-nya 12 haribulan Rabi'el-Awal.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 6HB. JAN.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 IN SEARCH OF: "U.F.O. Landing"
5.30 NEW TOM AND JERRY SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 FALCON ISLAND (Episod terkhir)
6.29 AZAN MAGHRIB
6.34 FALCON ISLAND — sambongan
6.35 NEW TOM AND JONES SHOW — "Isaac Hayes"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOBO: "Macho Man"
7.42 AZAN ISHA
7.46 LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.10 GIVE US A CLUE
9.40 HAWAII FIVE 'O' "Angel in Blue"
Sa-orang pulis bertugas sa-chara "undercover" telah di-bunoh. McGarrett dapat meneka siapa membunoh-nya, tetapi terkejut apabila mendapati bahawa pembunoh-nya ia-lab sa-orang wanita dan bukan-nya sa-orang lelaki saperti yang di-sangka-nya.
10.30 TAYANGAN GAMBAR: "Billy Rose's Jumbo"
12.00 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 7HB. JAN.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 DRAK PACK
6.29 AZAN MAGHRIB
6.34 DRAK PACK — sambongan
6.35 TAKE HART

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BATTLE STAR OF GALACTICA
7.42 AZAN ISHA
7.46 BATTLE STAR GALACTICA sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 HAYWIRE (Episod terakhir)
10.20 HOUSE CALLS
10.50 DYNASTY
11.40 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 8HB. JAN.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL: "Wall of Fire"
5.30 SHARI SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT: "Eating Gourmet Worms"
6.29 AZAN MAGHRIB
6.34 YOU ASKED FOR IT — sambongan
6.35 THE SQUAD: "New Boys"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SHIRLEY BASSEY
7.42 AZAN ISHA
7.46 SHIRLEY BASSEY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 DALLAS: "Gone But Not Forgotten"
Trajedi kematian di-kolam berenang di-Southfork menjadi perkara penyiasatan.
9.30 BENSON: "Old School Ties"
10.00 DRAMA SBC: Gelombang Masa — Menanti Pelapah Rapoh.
10.45 GUSTI
11.45 THE SWEENEY: "The Bigger They Are"
12.35 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 9HB. JAN.

**PAGI**

8.00 PEMBUKAAN
8.01 SUSUNAN RANCHANGAN
8.02 GAMBUS
8.10 SIARAN LANGSONG MENYAMBUT MAULUD NABI MUHAMMAD S.A.W. DI-PADANG BESAR BANDAR SERI BEGAWAN.
10.15 SENANDONG SUKMA
10.45 IRAMA DAKWAH
11.00 SIARAN TAMAT.

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 GAMBUS
2.33 TAYANGAN FILEM MELAYU: "Dendang Perantau"
Sa-buah filem tentang kebesaran chinta, tentang gelagat anak2 muda yang hanya tahu bermain chinta. Di-bintangi oleh Latif Ibrahim, Uji Rashid, Hail Amir, Teh Faridah, Ade Nirmala dan lain2.
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.29 AZAN MAGHRIB
6.33 NEW POPEYE SHOW — sambongan
6.35 MR MERLIN: "Two Faces of Zac"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Slaves"
7.42 AZAN ISHA
7.46 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD



DRAK PACK mengandongi (dari kiri) Howler, Frankie dan Drak Jr. dapat di-saksikan tiap2 hari Khamis jam 6.05 petang.



BARBARA EDEN (kiri) dan Anne Francine jatoh ka-tanah lumpur dari siri Harper Valley dalam episod "Stella and Howard" di-tayangkan Ahad depan saperti biasa jam 3.50 petang.

8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.00 MARI MEMASAK
9.30 DRAMA TEMPATAN: "Pertentangan"
10.30 BIG VALLEY: "Joaquin"
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 10HB. JAN.

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 BREAKING AWAY: "Heart Like A Wheel"
3.50 HARPER VALLEY: "Stella and Howard"
Stella menjadi "orang kaya sa-hari" dalam episod ini.
4.15 KAP KAP UDANG
4.45 WORLD OF SPORTS
5.00 SHAZAM
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLASH GORDAN "Gremlin The Dragon"
6.29 AZAN MAGHRIB
6.33 DR WHO: "Destiny of the Daleks"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT:
Siri komidi kesukaan ramai kembali menemui awda dengan episod2-nya yang terbaharu.
7.42 AZAN ISHA
7.46 LOVE BOAT — sambongan
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 ONLY WHEN I LAUGH
9.10 TARIAN KEBUDAYAAN
9.40 A WOMAN CALLED MOSES
10.30 ARMCHAIR THRILLER: "Fear of God" Bhg. 4 — Episod terakhir
11.00 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 11HB. JAN.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SPACE GHOSTS AND HERCULOIDS (siri baru)
5.35 ANIMALS IN ACTION: "Parenthood"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN "The Ultimate Duel"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 TARZAN — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: "Getting Away With Murder"
7.43 AZAN ISHA
7.47 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.00 THE LAST OUTLAW
9.50 NATIONAL GEOGRAPHIC "The New Indians"
10.35 KNOTS LANDING "A State of Mind"
11.20 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 12HB. JAN.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE'S BOOMER:
5.25 LITTLE BLUE: "The Spy"
5.40 SPORT'S BILLY
6.00 BERITA AWAL
6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL:
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 FAMILY HOUR FESTIVAL — — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: "Saturday on Sunset
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 ARENA SOKAN
9.20 VIETNAM: The 10,00 Day War "France In Vietnam"
Peperangan Indo-China sa-hingga ka saat Dien Bien Phu.
9.50 TAYANGAN GAMBAR "Hostile Guns"
Pelakun2: George Montgomery, Yvonne DeCarlo, Tab Hunter, Brian Donlevy.
11.20 THE UPCHAT LINE
11.50 SIARAN TAMAT.

# BINTANG KECHIL RADIO '82

PERTANDINGAN Bintang Kechil Radio '82 anjoran Bahagian Melayu Radio Brunei kali kelima akan di-adakan awal bulan Februari 1982. Pertandingan tahun ini di-jangka lebeh menggalakkan memandangkan peserta2 tahun lalu hampir 500 orang kanak2 telah mendaftarkan borang penyertaan.

Pehak penganjor mengatakan, hadiah2 tahun ini akan di-tambah memandangkan galakkan yang memuaskan.

Kapada adek2 yang ingin menyertai pertandingan ini sila dapatkan borang2 penyertaan saperti di-Daerah Brunei-Muara — di-Bilek Bahagian Melayu RTB, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan.

Daerah Belait — Pengiran Tajuddin Pg. Metassan, Studio Radio Brunei Kuala Belait.

Daerah Tutong — Awang Md Noor Awg Besar, Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Tutong.

Daerah Temburong — Di-Bilek Bachaan Dewan Bahasa dan Pustaka Chawangan Temburong.

Tarikh tutop menerima borang penyertaan pada 16hb Januari 1982.



intisari

RTB

minggu ini





SEMASA rakaman di-jalankan, semua yang hadhir, ahli2 Kugiran The Stranger, jururakam, dan penerbit tersenyum2 apabila mendengarkan senikata dalam salah sa-buah lagu2 yang terkandong dalam Ranchangan Seloka Merpati keluaran minggu ini. Apa lagi pasangan penyanyi-nya, Adnan Jais dan Aisah Abdul Rahman, menahan ketawa ketika membawakan lagu itu. Senikata-nya begitu mencholek hati mereka, yang mana lagu itu di-petek dari filem Siapa Besar. Mungkin pendengar sudah dapat meneka dan membayangkan-nya. Selain itu ada beberapa buah lagu lagi yang mungkin memikat hati peminat2 ranchangan ini yang telah di-siarkan pada 3hb Januari 1982 jam 2.30 petang.

## Siaran radio:

# RADIO PENYAMBONG LIDAH

JANGAN rasuah. Jangan korapshen. Bekerja-lah sa-jujor hati. Beramal dan bekerja kerana Alah. Ini-lah titah. Penunjok jalan ka-arah kebahagiaan hidup, keselamatan bangsa, negara dan ugama. Dengan lain perkataan ini-lah lorong menuju ka-arah keredhaan Allah dunya wal-akhirah. Dan titah ini telah di-siarkan sa-chara langsong oleh Radio Brunei pada 21hb Disember yang baru lalu bukan sahaja untok pengetahuan pegawai2 kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tetapi juga untok di-junjong di-atas batu jemala.

Untok pengetahuan lebeh lengkap dan kefahaman lebeh mendalam dan meluas, maka radio telah mengulangi siaran rakaman titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan itu. Dalam memberikan kefahaman yang lebeh mendalam kapada seluroh perengkat hidup raayat dan pendudok negeri ini, radio yang sa-lama-nya bersifat sabagai penyambong lidah ka-arah amar makruf nahi munkar telah menyampaikan hasrat dan chita2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu kapada raayat dan pendudok negeri ini seluroh-nya melalui berbagai2 teknik penyampaian yang mudah di-fahami. Intisari dan hikmat2 yang terkandong dalam titah itu di-sampaikan kapada para pendengar dalam bentok siaran langsong, siaran rakaman, siaran ulangan dalam Majallah Radio dan sa-chara ranchangan bualan.

Teknik2 penyampaian yang di-gunakan oleh radio sa-lama ini sudah terjamin 'effective' kerana ia mudah di-fahami. Ini ada-lah kerana radio membawa diri-nya hidup bersama setail raayat dalam masharakat. Radio berbichara, radio berdailog saperti mana raayat berbichara dan berdailog. Teknik penyampaian saperti ini telah banyak di-gunakan dalam berbagai2 perkara penting yang menchakup kepentingan nasional saperti gerakan banchi, pendaftaran, kempen kesihatan, kempen kebersehan dan lain2.

Teknik penyampaian yang di-gunakan oleh radio sekarang ini ada-lah hasil pengalaman hidup radio itu sendiri di-tambah dengan pengalaman2 yang di-kaut oleh para pegawai radio dalam kesempatan mereka menghadhiri kursus di-seberang laut, dan teknik penyampaian itu sentiasa di-tingkatkan dan di-perkemas dari semasa ka-semasa selaras dengan kemajuan dan perkembangan bidang penyiaran internasional.

## *Sandiwara radio:*

# *'Menunggu Tahun Baru'*

SEKALI lagi bersempena dengan tahun baru, kita akan menekmati sa-buah sandiwara radio yang berjudol MENUNGGU TAHUN BARU yang di-hasilkan oleh Saribadi, Brunei.

Kita akan bertemu lagi dengan masaalah hidup yang berkisar di-kalangan pekerja2 buroh yang sudah tentu-nya berpendapatan rendah. Azman watak utama dalam cherita ini tidak terkechuali dari masaalah hidup, pertama ia sedang resah-gelisah bila memikirkan tentang isteri-nya Rohaya yang selalu sakit2 dan tidak lama lagi akan melahirkan anak dan kedua tentang perumahan, kerana ia khuatir rumah papan berdinding zing itu akan di-robohkan bila bangunan telah siap di-bena. Masaalah ini di-hadapi sama oleh Linggam teman sa-kerja-nya.

Sedang Azman memberitahu Linggam tentang masaalah-nya itu, Linggam sempat juga memberitahu-nya tentang trajedi kematian ayah-nya. Dari sini-lah menimbulkan kesedaran pada Azman untok memberi ubat yang sempurna pada isteri-nya Rohaya.

Sa-telah meminjam wang dari kawan-nya, Azman pun membeli ubat untok Rohaya. Tanpa mengetahui akibat di-kemudian hari, Azman dengan pengetahuan yang hanya sedikit tentang perubatan itu pun menasehatkan isteri-nya supaya makan ubat itu sa-banyak yang boleh sekali gus. Kerana pada fahaman-nya, banyak di-makan akan chepat-lah semboh penyakit isteri-nya itu.

Tapi apa yang di-harapkan ada-lah sebalek-nya, isteri yang sakit itu tidak dapat di-selamatkan lagi. Isteri-nya meninggal bersama2 anak dalam kandongan-nya.

Demi untok meningkatkan pendapatan mereka, Azman dan Linggam pun bekerja lebeh masa. Di-hari yang di-jangkakan mereka akan menerima gaji, semua pekerja ternyata gembira. Tapi kegembiraan itu kian pudar, bila mereka mengetahui yang Ah Leng, taukeh mereka itu telah pulang ka-negeri-nya. Mereka pun berhasrat untok membalas tindakan Ah Leng itu dengan mempengarohi kawan2 mereka supaya menjalankan mogok dan membiarkan bangunan yang mereka bena itu tergendala menjelang pembukaan rasmi-nya di-tahun baru.

Beberapa hari kemudian-nya Ah Leng pun kembali, bagaimana-kah sambutan pekerja2 terhadap-nya ? Apa-kah mereka akan benar2 menjalankan apa yang telah mereka ranchangkan sa-belum-nya ? Atau mungkin-kah Ah Leng akan mengubah sikap-nya menjelang tahun baru ini ? Demi untok mendapatkan kesudahan cherita ini, awda pendengar kami silakan untok mengikuti siaran ranchangan ini pada 10hb Januari 1982 jam 10.30 pagi.

Terbitan sandiwara radio minggu ini akan di-usahakan oleh Dayang Helen Thu.

# RANCHANGAN TVP DARI 11HB. — 17HB. JAN. 1982

### ISNIN — 11HB JAN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 518.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, HALAMAN MENGAJAR, SI-MANIS, MAIN BAKUL, PETI SURAT, HALAMAN MENGUJI dan CHERMIN SAKTI.

### SELASA — 12HB JAN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 519.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, PAPAN HIKMAT, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

### RABU — 13HB JAN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 520.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, MENEKA BUNYI, JIG-SAW, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah Orang Kaya dengan Dua ekor anjing.

### KHAMIS — 14HB JAN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 521.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, AMINAH, BELON SI-MANIS, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

### JUMAAT — 15HB JAN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, LIHAT DAN PERHATI, PETI SURAT, BELON SI-MANIS, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 16HB JAN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 522.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BOLA, YANG MANA GANJIL, KERJA TANGAN, BERSENAM, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.
Kerja Tangan Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat siput daripada kertas.

### AHAD — 17HB JAN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN KERUSI, HALAMAN MENGAJAR, MAIN BANG, BERSENAM, GAMBAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

# 'IQRA' DI-HASRATKAN JADI MADARASHAH AL-KOR'AN

**Oleh: Jahri Haji Abdul Latif**



PELAJAR2 Kelas Lanjutan Al-Kor'an bergambar dengan guru-nya, Ustaz Haji Ahmad Shukor (berkacha mata hitam).

Apabila Persatuan Pembacha2 Al-Kor'an Islam Brunei (IQRA) di-asaskan kira2 tiga tahun lalu bererti peluang2 keemasan yang tidak ter-dapat sa-belum-nya, telah terbuka sa-luas2-nya bagi umat Islam di-negeri ini terutama untok mempela-jari kitab suchi Al-Kor'an dengan lebeh mendalam dan sempurna.

Kelas2 Muqqaddam dan Al-Kor'an anjoran IQRA pada masa ini, di-fahamkan sedang di-selenggarakan oleh beberapa orang qari dan qariah tempatan yang di-kira berkaliber dalam bidang tersebut. Malah tidak keterlaluan kalau di-katakan, dengan ada-nya qari dan qariah saperti Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit (johan qari antarabangsa 1977) dan Dayang Hajjah Masni binte Haji Abdi Manaf (naib johan qariah an-tarabangsa 1980) yang turut mengembelingkan tenaga-nya dalam men-jayakan kelas2 tersebut maka kita penoh yakin yang kelas2 berkenaan akan menempah kejayaan demi kejayaan dari sa-masa ka-semasa.

## GURU

Di-samping guru2 tem-patan, kelas2 Muqqaddam dan Al-Kor'an tersebut juga turut di-ambil peranan sa-chara sukarela oleh dua orang guru ugama dari Semenanjong Malaysia saperti Ustaz Haji Khalidi bin Haji Abdul Karim dan Ustaz Haji Ahmad bin Shukor.

Bagi pembacha2 Al-Kor'an di-negeri ini dan juga di-Malaysia, bahawa kedua mereka itu amat tidak asing lagi dalam bidang pembachaan Al-Kor'an. Ustaz Haji Khalidi yang di-ketahui umom memang sa-orang guru Al-Kor'an yang sangat arif dalam bidang tajwed sementara Ustaz Haji Ahmad pula di-katakan sa-bagai sa-orang ahli qiraat. Kedua2 mereka ini juga di-fahamkan, pernah menjadi hakim musaba-qah membacha Al-Kor'an perengkat negeri sejak beberapa tahun kebela-kangan di-negeri ini.

Dengan ada-nya guru2 yang sangat2 di-perlukan itu, menambahakan lagi keyakinan kita yang kelas2 berkenaan sudah barang tentu akan melahirkan banyak qari2 dan qariah2 tempatan yang berbakat pada masa akan datang. Masa ini pun, menurut tin-jauan Pelita, ada di-antara pelajar2 kelas lanjutan Al-Kor'an telah mengetarakan kejayaan chermerlang-nya. Ini bukan sahaja terbokti dalam bidang pem-bachaan malah yang menggembirakan telah nampak sa-orang dua pelajar-nya yang berazam kuat untok menjadi 'hafaz.'

## KELAS

Pada mula-nya IQRA hanya menubohkan dua buah kelas Muqqaddam kanak2, sa-buah kelas Mu-qqaddam Dewasa, sa-buah kelas Al-Kor'an kanak2, sa-buah kelas Al-Kor'an dewasa dan sa-buah kelas Al-Kor'an lanjutan. Jumlah kelas yang ada pada masa itu semua-nya enam buah dengan keramaian penuntut 100 orang.



INI ia-lah bagi pelajar2 Kelas Muqqaddam Kanak2 (Alif) bersama dengan guru-nya, Dk. Saadiah btc Pg Haji Tuah.



PELAJAR2 Kelas Muqqaddam juga tidak di-kechualikan dari menjalani ujian atau pe-perek-saan. Gambar ini, menunjokkan Dk. Saadiah bte Pg Haji Tuah kelihatan mendengar bachaan Muqqaddam dari salah sa-orang pelajar-nya.

Tetapi, pada tahun 1981, IQRA terpaksa menambah tiga kelas lagi termasok dua buah kelas Al-Kor'an malam, kerana memandangkan bertam-bah-nya bilangan pelajar-nya. Dengan itu, men-jadikan kelas2 berkenaan yang ada sekarang kapada sembilan buah.

## SAMBUTAN

Kesan dari sambutan umat Islam yang memasoki kelas2 Muqqad-dam dan Al-Kor'an, IQRA menghadapi kekurangan guru. Untok mengatasi masaalah tersebut, IQRA telah menawarkan kapada orang2 yang berkelayakan dalam bidang pem-bachaan Al-Kor'an supaya akan tampil ka-hadapan untok memenohi kehen-dak2 IQRA itu. Malang-nya orang2 yang pernah di-tawarkan itu keba-nyakan-nya menolak dan hanya beberapa orang sahaja yang menerima tawaran tersebut termasok-lah johan musabaqah Al-Kor'an bagi pejabat2 kerajaan yang beruniform, Haji Hashim bin Haji Hassan dan naib johan qariah perengkat negeri 1981, Dayangku Saadiah binte Pg. Haji Tuah.

Sa-bagai sa-buah persa-tuan kebajikan, kelas2 Mu-qqaddam dan Al-Kor'an IQRA tidak di-nafikan memang menghadapi ber-bagai2 masaalah terutama mengenai soal kewangan. Kerana guru2 yang di-tawarkan mengajar dengan kelas2 berkenaan, IQRA terpaksa membayar sagu hati kapada mereka. Pembayaran ini di-fahamkan ada-lah kutipan daripada yuran penuntut2 yang di-kenakan bagi sa-tiap pelajar Muqqaddam sa-banyak $15 sa-bulan, sementara bagi pelajar2 kelas Al-Kor'an lanjutan di-kenakan yuran bulanan sa-banyak $30.

Namun demikian ter-dapat juga guru2 yang mengajar 'sa-mata2 kerana Allah' tidak mahu menerima sa-sen pun, walau pun mereka ter-paksa berkorban masa dan tenaga-nya.

Mereka2 yang memperhambakan diri-nya itu tidak akan merasa kerugian, bukan-kah Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang kira2 ber-maksud : "Sa-baik2 orang di-antara kamu ia-lah orang yang belajar Al-Kor'an dan yang mengajar-nya, dan mas-ing2 mereka ada saham yang di-terima-nya mengikut kadar tertentu."

## BANGUNAN

Dalam beberapa tahun kelas2 Muqqaddam dan Al-Kor'an di-jalankan, ia-nya terpaksa menumpang ka-sana sini oleh kerana tidak mempunyai bangunan-nya sendiri. Sebab itu, ia-nya mengalami tiga kali per-pindahan tempat. Per-tama kali kelas2 berkenaan di-buka, ia-nya berpusat di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, di-Batu I, Jalan Tutong. Tetapi oleh kerana sa-suatu keadaan yang tidak dapat di-elakkan, ia-nya terpaksa berpindah ka-Sekolah Menengah SMJA.

Di-Sekolah Menengah SMJA kelas2 tersebut tidak dapat bertahan lama kerana beberapa perkara yang di-fikirkan meng-ganggu ke-tenteramanan pelajar2, dengan itu, pehak Lembaga persatuan tersebut terpaksa lagi berusaha menchari tempat yang sesuai. Dengan jasa baik Pengarah Pelajaran, permohonan IQRA untok menggunakan Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai telah di-persetujui, dan akhir-nya kelas2 berkenaan pun pin-dah ka-situ hingga sekarang.

## CHABARAN

Walau pun, pehak penaja kelas2 tersebut menghadapi berbagai2 chabaran dan dugaan, tetapi kerana sifat yang tidak kenal putus asa yang di-mileki oleh mereka serta di-tambah dengan keazaman, ketabahan, didekasi yang bertujuan kerana Allah, maka kelas2 Muqqaddam dan Al-Kor'an telah semakin mengetarakan kepesatan dan kemajuan-nya kerana mendapat sambutan dari semua perengkat masharakat terutama kanak2.

Kemajuan yang di-chapai itu menggam-barkan dengan jelas terhadap kesedaran umat Islam di-negeri ini yang semakin meningkat ten-tang penting-nya mereka (umat Islam) mempelajari Al-Kor'an itu.

Ini bererti umat Islam mula menyahut hasrat kerajaan Kebawah DYMM yang sentiasa menyeru masharakat Islam di-negeri ini supaya mempelajari Al-Kor'an, yang bukan sahaja untok tahu dan pandai membacha malah menekankan supaya men-dalam dan memahami isi2 kandongan kitab suchi tersebut.

## MATALAMAT

Menyentoh dengan matalamat jangka panjang IQRA, Yang Di-Pertua persatuan ini, Awang Haji Mahsud bin Haji Awang Damit menjelaskan bahawa ia-nya berchita2 untok menjadikan sa-buah Madrasah Al-Kor'an di-negeri ini.

Chita2 IQRA untok menjadi-kan sa-buah Madrasah Al-Kor'an di-negeri ini, sesuai-lah dengan tujuan dasar persatuan yang hen-dak menyatu-padukan pem-bacha2 Al-Kor'an di-negeri ini bagi maksud meluas serta men-inggikan lagi pengetahuan Al-Kor'an sa-kurang2-nya untok dapat menchapai sa-bagai sa-orang ahli hafaz, mengetahui segala qiraat lagi wara' dan faqeh serta untok menjaga kehormatan Al-Kor'an atau sa-kurang2-nya untok menjaga kehormatan Al-Kor'an atau sa-kurang2-nya sa-bahagian daripada-nya bagi melayakkan sa-bagai qari dan qariah yang sa-benar-nya di-samping membantu usaha2 Kera-jaan Kebawah DYMM dalam menyibarkan Ugama Islam.

Di-samping itu, persatuan ini juga berhasrat untok mengabongkan diri-nya dengan International Quran Readers Association yang beribu-pejabat di-Lahore, Pakistan.

Menurut Awang Haji Mahsud lagi, untok menambahkan lagi pengetahuan pelajar2 kelas Al-Kor'an lanjutan, IQRA di-jangka akan mengundang dua orang qari yang bekaliber dari In-donesia untok menjayakan 'Kursus Amali Al-Kor'an' yang di-jangka akan di-anjorkan pada bulan April tahun 1982 nanti.

LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

LIPUTAN : JA'AFAR IBRAHIM

# HUKUMAN BERAT BAGI PENGEDAR2 PITA2 VIDEO LUCHAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hukuman berat akan di-kenakan bagi orang2 yang di-dapati bersalah kerana penjualan, penyewaan, penyibaran dan pengedaran pita2 rakaman video luchah dan pengimpotan dan pemilekan-nya bagi maksud2 tersebut.

Demikian telah di-tegaskan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Peguam Negara Brunei ketika membentangkan Pindaan Undang2 Hukuman Jenayah 1981 dalam Majlis Mashuarat Negeri pada minggu lalu.



**Peguam Negara, Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abbas.**

### HUKUMAN

Dalam pindaan tersebut, Yang Amat Mulia telah menggariskan beberapa hukuman dan denda kapada mereka yang bersalah melakukan perkara2 sa-demikian.

Hukuman-nya ia-lah sasuatu denda yang tidak kurang dari lima ratus ringgit dan tidak lebeh dari $5,000 dan/atau penjara sa-lama 12 bulan (dua belas bulan).

Dan tidak thabit kesalahan bagi kali kedua atau berikut-nya, satu denda yang tidak kurang dari $1,000 (sa-ribu ringgit) dan tidak lebeh dari $30,000 (tiga puloh ribu ringgit) dan/atau penjara sa-lama tiga tahun juga akan di-adakan ia-itu khusus kapada penjualan, penyewaan, penyibaran dan pengedaran serta pengimpotan dan pemilekan barang2 luchah.

### KESALAHAN

Yang Amat Mulia bersabda bahawa sa-siapa jua yang menjual, membenarkan untok di-sewa, memperlihatkan atau mengedarkan kapada mana2 orang di-bawah umor 20 tahun apa juga barang2 yang luchah ada-lah boleh di-jatohkan hukuman denda yang tidak kurang dari $1,000 (sa-ribu ringgit) dan/atau tidak lebeh dari $10,000 atau penjara sa-lama dua tahun.

Dan jika thabit kesalahan bagi kali kedua dan berikut-nya denda yang tidak kurang dari $3,000 (tiga ribu ringgit) dan tidak lebeh dari $50,000 (lima puloh ribu ringgit)) dan/atau penjara selama lima tahun.

### LAGU2 LUCHAH

Pindaan Rang Undang2 yang di-maksudkan, jelas Yang Amat Mulia juga melibatkan terhadap kelakuan2 dan lagu2 luchah dengan kata-lain, sabda Yang Amat Mulia sa-siapa jua menggusarkan hati orang lain, samada dengan melakukan apa jua perbuatan di-mana2 tempat awam, atau menyanyi, mencheritakan atau menyiarkan apa jua lagu, shaer (Ballad) atau perkataan yang luchah boleh di-hukum dengan denda tidak kurang dari $500 dan tidak lebeh dari $5,000 dan/atau penjara selama dua belas bulan.

Dan jika thabit kesalahan bagi kali kedua atau berikut-nya, boleh di-denda tidak kurang dari $1,000 dan tidak lebeh dari $30,000 dan/atau penjara selama tiga tahun.

## Undang2 Perhubongan Konsul

Dari muka 3

Dari itu, jelas Yang Amat Mulia, tujuan rang undang2 perhubongan2 konsul di-adakan ia-lah untok mengistiharkan bentok undang2 yang di-pakai di-negeri ini mengenai dengan perhubongan konsul, khas-nya mengenai tugas2 sa-orang konsul dan juga hak2 istimewa sa-orang pegawai diplomat.

Maka dengan kuat-kua- a rang undang2 itu nanti, elas Yang Amat Mulia lagi, sharat2 dari kon- nshen itu akan di-jadi- sa-bahagian dari un- g2 negeri ini menurut lan negeri2 lain saperti apa yang terdapat dalam sharat2 jadual rang undang2 berkenaan.

Sebab lain mengapa rang undang2 itu di-perlukan, ujar Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja ia-lah terdapat-nya hubongan2 antarabangsa yang saling balas membalas. Ini bererti apabila sa-orang konsul Brunei di-lantek ka-negeri lain, maka hak dan keistimewaan yang di-berikan kapada pegawai konsul kita itu akan bergantong kapada apa yang kita berikan konsul negeri lain yang di-lantek di-negeri ini, saperti yang termaktub dalam Bab 3 rang undang2 berkenaan.

## AHLI2 M.M.N. MENERIMA SURAT2 LANTEKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis penyampaian Surat Lantekan kapada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang baru di-lantek telah di-adakan di-Dewan Persantapan Lapau pada minggu lalu.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan Surat2 Lantekan itu kapada Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin dan lima orang ahli Yang Berhormat. Mereka ia-lah Y.B. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit; Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd Salleh bin Haji Masri, Y.B. Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abdul Rahim bin Akim, Y.B. Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pg Haji Abdul Rahim dan Y.B. Orang Kaya Pekerma Indera Haji Jili bin Ibrahim.

## Titah Baginda rengkas tetapi padat dengan falsafah

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sa-masa merasmikan Majlis Mashuarat Negeri ada-lah rengkas tetapi padat dengan falsafah2 yang patut di-ambil perhatian bukan saja oleh pegawai2 yang di-amanahkan malah juga oleh raayat dan pendudok negeri ini.

Titah Baginda itu juga sa-bagai yang paling tegas sa-jauh ini sa-telah Baginda memahami terdapat orang2 yang di-pertanggong-jawabkan dalam kerajaan tidak dapat menjalankan tugas dengan penoh jujor dan amanah.



**Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri.**

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri beruchap demikian ketika menyukong perbahasan usol YAB Pemangku Menteri Besar bagi menjunjong kaseh atas keberangkatan Baginda merasmikan persidangan tersebut.

Sa-bagai raayat yang di-amanahkan tanggong-jawab itu, jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, hendak-lah menjalankan dengan berlandaskan ajaran Ugama Islam, tetapi sebalek-nya jika tidak di-sertakan dengan keimanan yang kuat kapada Tuhan, tentu kita akan menghadapi kepayahan dalam melaksanakan-nya.

### HUKUM ISLAM

Kata-nya, sa-seorang yang kurang dalam hal2 sa-umpama ini akan terus melakukan perkara2 yang melanggar hukom2 Islam saperti rasuah yang telah di-tegah sekeras-nya oleh Baginda Yang Dipertuan.

Menurut Yang Berhormat itu, perbuatan rasuah di-istilahkan sa-bagai haram dari segi hukum Islam. Ini jelas dari titah Baginda itu yang tidak mahu ada-nya penyelewengan dalam Kerajaan Baginda.

Maka untok menjunjong titah Baginda itu, ujar Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, sa-tiap pegawai dan kakitangan kerajaan mesti-lah mempelajari dan mendalami tentang hukom2 Ugama Islam kerana dengan jalan demikian kita dapat menjunjong hasrat Baginda yang mahukan satu pentadbiran yang efeshen, jujor dan amanah.

Kerajaan jelas Yang Berhormat itu inginkan raayat dan pendudok negeri ini mempunyai ilmu yang luas dalam hukom2 Ugama Islam, dan untok menchapai hasrat itu beberapa langkah telah di-ambil terutama melaksanakan pembelajaran matapelajaran Ugama Islam di-sekolah2 dari perengkat rendah ka-menengah.

### ASOHAN

"Tujuan kerajaan mengambil langkah sa-umpama itu ia-lah memberikan kanak-kanak asohan dan didekan yang sa-penoh dalam Ugama Islam supaya dengan itu nanti, mereka apabila memegang teraju pemerentahan negara, tidak akan tergamak melakukan apa yang di-sifatkan sa-bagai melanggar hukom Ugama Islam," kata-nya.

Kapada pegawai2 dan kakitangan kerajaan yang telah melakukan penyelewengan dalam pentadbiran, Yang Berhormat itu mengingatkan supaya akan balek ka-pangkal jalan, mengusai dan membaharui tekad serta semangat untok bekerja dengan lebeh jujor dan amanah lagi bertanggong-jawab.

Menyentoh kemerdekaan yang akan di-chapai itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menekankan ia-nya juga memerlukan raayat dan pendudok mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam berbagai jurusan, bertanggong-jawab, dedikasi, serta keimanan yang tegoh kapada perentah2 dan hukom2 ugama Allah bagi menjamin kebahagiaan kita semua.

## Keistimewaan untok Diplomat

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu lagi undang2 baru yang telah di-hadapkan ia-lah Undang2 Hak2 Keistimewaan Diplomatik atau Diplomatic Privileges (Konvenshen Vienna), 1981 yang mana undang2 ini telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman.

Dalam menjelaskan tujuan mengadakan undang2 tersebut, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menerangkan undang2 tersebut ada-lah untok menguat-kuasakan Konvenshen Vienna mengenai Perhubongan Diplomatik 1961.

Kata-nya, undang2 itu amat perlu di-adakan dan di-kuat-kuasakan di-Brunei bagi tujuan mengawal dan menentukan perhubongan2 dan hal ehwal diplomatik. Lagi pun, tambah-nya, Brunei akan memainkan peranan-nya di-kalangan masharakat antarabangsa dalam jangka masa yang tidak lama lagi.

Pada masa ini, menurut Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Brunei mempunyai Undang2 Hak2 Keistimewaan Diplomatik (Perluasaan), 1949 yang mana hanya menekankan pertubohan2 dan persidangan2 antarabangsa. Manakala yang satu lagi ia-lah Undang2 Konvenshen2 Konsul, 1953 yang memberikan kuasa yang terhad untok tidak mengusek jawatan2 konsul.

Undang2 yang baru ia-lah mengandongi butir2 yang di-perlukan dalam perhubongan antarabangsa yang mana Konvenshen Vienna itu ada-lah di-terima oleh masharakat dunia am-nya.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu juga menjelaskan bahawa undang2 yang di-hadapkan-nya itu ada-lah juga merupakan persediaan2 bagi menempoh zaman baru Brunei.

# Keputusan Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei, 1981

## (Tertaalok kapada salinan-slip keputusan asal)

### MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN/ SEKOLAH SAINS, JALAN MUARA

Awang Jakaria bin Ismail 2, Awang Mohammad bin Hj Putra 2, Awg Zanin bin Sulaiman 2, Bandang bin Perayam 1, Ibrahim bin Jais 1, Keratan bin Jenian 1, Mohd Yussof bin Haji Timbang 2, Saini bin Abd Aladdi 2, Samli bin Matnor 1, Sidi bin Samat 2, Teo Soo Kuang 2, Tikom bin Subi 1, Yasun bin Miang 2, Azizah bte Anggas/Rangas 1, Dayang Halus bte Lasim 1, Dayang Rustipah bte Musa 1, Dk Jailton bte Pg Damit 2, Dy Rahimah bte Ag Ahmad 2, Eiang bte Simen 2, Fatimah bte Puteh 1, Faridah bte Hamid 1, Jauyah bte Haji Tuah 1, Lamon bte Haji Sahat 1, Lee Pak Pee 1, Mahani bte Saidi 1, Noor Zinah bte Haji Hassan 1, Raudah bte Haji Metusin 1, Saridah bte Simen 2, Sura bte Haji Othman 1, Subaidah bte Zakaria 1.

### SEKOLAH MENENGAH MELAYU SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM

Masri bin Kanak 3, Dy Noraini bte Haji Abd Rahman 3, Fatmah bte Awg Puteh 3, Mariam bte Zaini 3, Normah bte Haji Mat Yassin 3, Rasidah bte Idris 3, Nordean bin Binchut 3, Ramli bin Awang Salleh 3, Sahri bin Abdullah 2, Dy Junieh bte Awg Ibrahim 3, Noormaiah bte Mohammad 3, Abd Rahman bin Awg Karim 3, Awang Mohammad bin Haji Saibun 3, Md Zaini bin Othman 3, Fauziah bte Shahbudin 3, Noriah bte Haji Awg Ismail 3, Safiah bte Ibrahim 3, Tengah bte Matasan 3, Ahmad bin Haji Kassim 3, Awang Zaini bin Kanak 2, Bujang anak Datu 3, Zunidi bin Md Yunos 3, Suhailon bin Haji Metali 2, Yussof bin Haji Kurus 3, Juriah bte Abd Rahman 3, Mahani bte Donglah 3.

Masnah bte Kamis 3, Rusiah bte Haji Ismail 3, Abd Rashid bin Abd Hamid 3, Ak Roslan bin Pg Jumat 3, Amdan bin Haji Pakar 3, Ali bin Mat Yassin 2, Rosland bin Haji Jinin 3, Tuah bin Ahmad 2, Aisah bte Awg Chuchu 2, Dk Hajjah Miri bte Pg Haji Omarali 3, Hajjah Rohani bte Haji Abd Lamit 3, Habiah bte Jabaidin 3, Mahani bte Ashli 3, Awang Mohammad bin Awang Bakar 3, Jefri bin Awg Jambin 2, Karim bin Hj Talip 2, Fadilah bte Mohamad/Deli 3, Masnah bte Zinab/Jinap 3, Noorsamni bte Mohd Yaman 3, Ramlah bte Abdullah 2, Rose bte Kassim 3, Haji Suffri bin Haji Sulaiman 3, Morshidi bin Said 3, Sauli bin Molok 2, Wasli bin Abu Bakar 3, Rohayati bte Mohd Saidi 2, Rosna bte Damit 3, A Asmail bin Mundim 3.

Awang Rusli bin Awg Mahali 2, Awg Lamat bin Omar 3, Awg Zaidin bin Jimbol 2, Marsidi bin Ismail/Mail 2, Moksin bin Bakar 3, Musa bin Md Yassin 2, Mohd Sabri bin Haji Tahir 3, Dk Mardinah bte Pg Haji Omar 3, Dy Zalimah bte Abd Samat 3, Abdullah bin Hashim 2, Ag Abdullah bin Lakim 1, Ak Bidin bin Pg Ibrahim 3, Ag Matamit bin Laman 2, Husain bin Salleh 2, Mahmud bin Othman 2, Mohammad bin Haji Ibrahim 3, Dy Nurmah bte Haji Mohammad 3, Ag Sarbini bin Sapar 2, Ismail bin Haji Sahat 2, Musa bin Haji Mohd Sa'at 2, Roslan bin Mohammad 3, Ajijah bte Hj Usop/Haji Ahad 3, Dayang Zainab bte Ibrahim 2, Dayang Johara bte Yussof 2, Dy Massuria bte Ag Bungsu 2, Dy Rosni bte Haji Mohammad 3.

Mariah bte Tahir 2, Monah bte Ibrahim 3, Radziah bte Keria 2, Rokiah bte Haji Wahab 2, Rimah bte Omar 2, Md Arif bin Budiman 3, Bakiri bin Mustapha/Ag Tuah 3, Haris Fadilah bin Hussain 2, Latif bin Gafor 3, Awang Marsidik bin Mudin 2, Mohd Sufri bin Hashim 2, Muamat bin Kamis 2, Murasedi bin Haji Mohammad 3, Salleh bin Bujang 2, Rahim bin Apong 2, Murni bte Bujang 3, Murni bte Karim 3, Dy Nurah bte Buntar 3, Rupiah bte Haron 2, Dayang Rosnah bte Awang Sabtu 1, Siti Rubiah bte Abu Bakar 3, Abdul Salam bin Haji Momin 3, Ak Emran bin Pg Haji Salleh 3.

### SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI2 HASSANAL BOLKIAH

Abdul Rahman bin Matzin 2, Abd Razak bin Bujang 1, Ahmad Lutfi bin Edris 2, Ak Su'eb bin Pg Mumin 1, Ali Bolkiah bin Haji Mohd Diah 1, Azmi bin Abidin 2, Hamdan bin Omar 2, Haslin bin Md Noor 2, Husny bin Abang Taha 3, Jamil bin Gani 3, Kamsul bin Abdul Rahman 2, Mazlan bin Maimon 3, Md Fadzil bin Md Kassim 3, Muslim bin Yusof 3, Noryusof'ain bin Mohd Noor 2, Rahaman bin Panjang 3, Ruslan bin Sulaiman 2, Rosle bin Senudin 3, Zuhairi bin Haji Belaman 3, Zaidin bin Ismail 3

### SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUDA HASHIM, TUTONG

Alihan bin Mohiddin/Mohidin 3, Azmin bin Mohd Jali 3, Ak Zahari bin Pg Matasan 3, Aziz anak Ado 2, Arzmi bin Tahir 2, Chua Eng Lai 2, Guna bin Tinggir 2, Hasnan bin Kamaludin 2, Iradat bin Gador 2, Ijos bin Sian 2, Jamaluddin bin Ubi 3, Jalil bin Atar 2, Jalan bin Ramai 2, Kana anak Rawaeng 2, Lanjar bin Fikir 3, Magil bin Lasak 2, Madjanil bin Sanai 3, Mohd Jamalul Lail bin Haji Ghazali 2, Md Yahya bin Omar 3, Mohammad Suhaini bin Abidin 2, Mohammad Salleh bin Abdullah 2, Marsal bin Musa 3, Noordin bin Jamor 3, Pulut bin Anggas 2, Ramlee bin Yusol 3, Rosli bin Ambau 2.

Salim bin Metali 2, Sabri bin Basing 3, Semua bin Kuda 2, Shanang bin Pikir 3, Sufri bin Serudin 2, Talid anak Umbah 3, Toneh bin Ensil 2, Tabanan bin Yar Siar 2, Yalim bin Miang 3, Yakup bin Tahir 2, Yazih bin Dian 2, Aminah bte Jaludin 2, Azijah bte Ganjoi 2, Haidah bte Metusin 3, Jubidah bte Ranchit 2, Maimun bte Matussin 2, Munah bte Haji 3, Mariani bte Lakim 2, Malam bte Kintoh 3, Norsi bte Pindah 2, Norseb bte Tikom 2, Rosnah bte Mohamad 3, Ranbau bte Used 3, Raimah bte Sabtu 2, Sainah bte Bidin 2, Saidah bte Md Zain 2, Sarimah bte Taripin 3, Salumah bte Lagat 2, Zuliha bte Mohd Yacob 3.

### SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT

Dayang Noor Lela bte Mohd Zaini 3, Dg Rafidah bte A Damit 1, Dk Hadijah bte Pg Haji Kamaluddin 1, Dk Masraelawati bte Pg Mohd Said 1, Dk Radiah bte Pg Md Tahir 3, Dk Shahrul Bariah bin Pg Kamaluddin 3, Dk Zainab bte Pg Haji Tuah 3, Dy Siti Maimunah bte Abdullah 3, Dy Norain bte Md Daud 3, Faridah bte Yakub 3, Halimah bte Maidin 2, Halimah bte Lamit 3, Hamidah bte Aspar 1, Hamid Norni bte Hamid 1, Johrah bte Anaf 2, Kartini bte Bakar 3, Kasni bte Hashim 2, Majanah bte Abdullah 3, Masni bte Haji Mohin 3, Masnah bte Awg Besar 3, Mariah bte Saban 3, Noor Aliza bte Mohd Hassan 3, Omi Kalsum bte Md Noor 1, Radhiah bte Haji Abdul Latif 3, Rosita bte Mohammad 3, Rusmah bte Muksin 1, Sabariah bte Haji Hassan 3, Safiah bte Abdul Salam 1, Sarimah bte Haji Abu Bakar 3, Samsiah bte Azahari 3, Saliha bte Abdul Rahman 3, Siti bte Amba 1, Shairah bte Abdul Razak 3, Tijah bte Alim 2, Zurahayatidah bte Ahmad 3.

### CHALUN PERSENDIRIAN BANDAR SERI BEGAWAN

Amanah bte Haji Hassan 3, Asmah bte Salleh 3, Abu Bakar Haji Sarkawi @ Muhaimin 3, Awang Gadong bin Haji Tamin 3, Ahmad bin Durahim 3, Ahmad bin Mohd Zin 2, Abdul Hakim bin Haji Ishak 3, Awang Takong bin Haji Mohammad 3, Awg Kamis bin Abdul Jalil 3, Awg @ Tarif bin Abu Bakar 2, Alias bin Hasim 2, Awg Ahmad bin Kalong 3, Aji bin Merassan 2, Awang bin Haji Tamit 3, Awang bin Haji Puteh 3, Ak Mohd Yussof bin Pg Haji Omar 3, Ak Sani bin Pg Tengah 2, Bohari bin Haji Zainal @ Salleh 3, Dy Sari bte Haji Ibrahim 3, Rangliah bte Basman 3, Dy Nikmah bte Awang Damit 3, Dy Langsat bte Mumin/Momin 3, Dy Sunah bte Dahllan 3, Dk Fatimah bte Pg Md Salleh 3, Dk Mariah bin Pg Md Daud 3, Fatimah bte Moktal 3.

Fatimah bte Haji Mohammad Zin 2, Husnah bte Haji Yakop/Haji Md Yaakub 3, Ibrahim bin Omar 3, Ibrahim bin Haji Kamis 3, Kamis bin Rajid 3, Kasum bte Basi 3, Latipah bte Mudin 3, Md Hassan bin Ismail 2, Awang Mohd Ali bin Salim/Lalim 3, Mariam bte Pagai 2, Md Jinan bin Haji Kassim 2, Mejah bte Haji Nudin 2, Metussin bin Haji Mantrais 2, Mohd Wasli bin Haji Serudin 3, Matsalleh bin Sisa 3, Mariam bte Hidup 3, Mohammed Yusof bin Ahmed 3, Normah bte Miramit 3, Othman bin Haji Aliassan 3, Rokiah bte Idris 2, Dk Rosnah bte Pg Bakar 3, Rahmah bte Abdul Ghafar 3.

Rosnah bte Osman 3, Saerah bte Saif 2, Siti Ajar bte Haji Bakri 3, Sajali bin Saban 2, Siti Rehimah bte Jais 2, Siti Ramlah bte Besar 3, Tipah bte Donglah 2, Yahya bin Durahim @ Abdul Rahim 3, Zainab bte Haji Abu Bakar 3, Zaini bin Haji Muhamad 3, Abdul Ghani bin Haji Marsal 3, Azis bin Awg Haji Md Yassin 3, Alwi bin Salleh 3, Supli bin Kamis 3, Yalil bin Metamit 3, Muslim bin Merusin 3, Halimah bte Awang Astan 3, Norelah bte Karna 2, Rosni bte Haji Moksin 2, Awang Jaya bin Tahir 3, Suhaili bin Idris 2, Lamat bin Haji 2, Hassan bin Dullah/Dollah 3, Hamzah bin Haji Md Noor 2.

### SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUHAMMAD ALAM, SERIA

Ak Sani bin Pg Talib 3 Abdul Lamit bin Yusop 2, Alart bin Ahmad 3, Albrees anak Paulus Tading 3, Dennis anak Ambin 2, Dk Rusni bte Pg Talib 2, Dk Nooraidah bte Pg Md Zain 3, Fauzi bin Alwi 3, Hafsah bte Hj Ismail 2, Junis bin Ladi 3, Jonidi bin Haji Nawi 2, Morsidi bin Lidin 3, Md Ali bin Bujang 2, Mohdara bin Badar 3, Norini bte Kassim 3, Pan Yun Luke 2, Patimah bte Timbang 3, Rohana bte Matusin 3, Rokiah anak Alap 3, Sani anak Abong 3, Salmah bte Liman 2, Suliman bin Abon 2, Wong Hwa 3, Ak Hanipiah bin Pg Aliomar 3, Ak Jamaludin bin Pg Mustapa 3, Afsah bte Omar 3, Dollah bin Adam 3, Mohd Junid bin Mohd Yusof 3, Rosdin bin Musa 3.

### SEKOLAH MENENGAH MELAYU AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT

Abda'dzeem bin Mohd Yassin 3, Adut anak Tuan 3, Amiah bte Amin 2, Aniah bte Munap 3, Banon anak Lamat 2, Brahim bin Sidup 3, Berong anak Nyangau 2, Dahlalan bin Saidil 3, Dayang anak Ujan 3, Dayang Norhani bte Ahmmad 3, Faridah bte Ahmad 2, Haisah bte Majin 2, Ibrahim bin Suhaili 2, Jine bin Kadir 2, John anak Belansai 2, Man @ Osman bin Abd Rahman 2, Maskinah bte Mahmood 2, Mazenah bte Hasbi 3, Md Aziz bin Awang Ahmad 2, Messiliya @ Liha bte Abd Rahman 3, Mohammad Ali bin Ladin 2, Mustafa bin Zaidin 3, Norjanah bte Kaderi 2, Normah bte Idris 3, Norsiah bte Idris 3, Rohana bte Yunus 2, Rosli bin Haji Munap 3, Rosline bte Yunus 3, Sharifah Meznah bte Wan Hill 3, Tinah bte Kura 2, Zaimah bte Handidi 2, Zainal bin Haji Abang 3, Salhah bte Morshidi 3, Sadiah anak Rangkong 3.

### SEKOLAH MENENGAH MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR

Ahmad bin Bidin 2, Ak Kamal bin Pg Zulaihi 1, Aladdin anak Ombat 3, Asmadi bin Adis 3, Awang Jasni bin Abdul Rahman 2, Balinyun anak Hussin 3, Berawoh anak Guyang 2, Dagat anak Rojoh 3, Daya anak Eri 2, Dayang Dayun anak Sanggau 3, Ealau bte Buda 3, Julai bin Gomban 1, Junita bte Haji Jaludin 3, Liew Muli Len bte Liew Piang Tung 3, Lim Yang Kim 3, Masri bin Jaini 3, Marjan anak Lian 3, Rusnah anak Pilang 2, Selimah anak Geranja 2, Suring anak Kalom 2, Teo Guak Hong 2, Wee Cheng Cheng 2, Yunos bin Namit 2, Zainah bte Subak 2, Ahmad Yani bin Ismail 3, Aziz bin Yunus 3, Awg Shari bin Garib 2, Abd Matadinata bin Abd Manaf 3, Dayang Maitinah bte Mumin 3, Hanafi Untong 3, Ismail bin Bakar 1, Junida bte Gapor 3, Malai Azizah bte Sheikh Mohammad 2, Madahan bin Taha 1, Noorhayati bte Kassim/Kasim 3, Rahmah bte Buyong 3, Sidah bte Badar 3, Siamah bte Untong 3, Siamah bte Ali 1, Wan Rabiah bte W Yarham 3, Zaliha bte Haji Tamit 3, Suzelina bte Ibrahim 3.

### CHALUN PERSENDIRIAN TUTONG

Saraniah bte Mahari 3, Sadiah bte Haji Abdul Wahab 3.

### CHALUN PERSENDIRIAN SERIA DAN KUALA BELAIT

Jamilah bte Rimba 3.

### CHALUN PERSENDIRIAN TEMBURONG

Aisah bte Haji Md Noor 2, Asnah bte Ampuan Tahir 3, Dayang Ariah bte Damit 3, Gandi bte Nayan 3, Hamidah bte Haji Ahmad 2, Haimah bte Haji Badar 2, Normah bte Haji Hussin 1, Umar bin Arshad 2, Dayang Rokiah bte Haji Ibrahim 2, Salamah anak Degat 2.

## ANALISA KEPUTUSAN PEPEREKSAAN

| SELUROH NEGERI | Bahagian Division 1 | Bahagian Division 2 | Bahagian Division 3 | Jumlah Lulus | Jumlah Dudok | Peratus Lulus | Jumlah Gagal | Peratus Gagal |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Aliran | | | | | | | | |
| CHALUN2 SEKOLAH (Aliran Melayu) | | | | | | | | |
| Sekolah2 Kerajaan Sahaja | | | | | | | | |
| AM MMPSBS/Sekolah Sains | 18 | 12 | 0 | 30 | 31 | 96.77 | 1 | 03.23 |
| BM | | | | | | | | |
| CM SM SMJA | 2 | 36 | 65 | 103 | 186 | 55.38 | 83 | 44.62 |
| DM SMAL Hassanal Bolkiah | 3 | 8 | 9 | 20 | 20 | 100.00 | 0 | 00.00 |
| EM SMM Muda Hashim, Tutong | 0 | 34 | 21 | 55 | 71 | 77.46 | 16 | 22.54 |
| FM SMM Muhammad Alam, Seria | 0 | 9 | 20 | 29 | 32 | 90.63 | 3 | 09.38 |
| GM SMM Ahmad Tajuddin, Kuala Belait | 0 | 16 | 18 | 34 | 42 | 80.95 | 8 | 19.05 |
| HM SMM Sultan Hassan | 2 | 11 | 11 | 24 | 32 | 75.00 | 8 | 25.00 |
| JM SMM Bendahara Sakam | 3 | 2 | 13 | 18 | 22 | 81.82 | 4 | 18.18 |
| OM SUAMP/RIPAD | 9 | 4 | 22 | 35 | 35 | 100.00 | 0 | 00.00 |
| | 37 | 132 | 179 | 348 | 471 | 73.89 | 123 | 26.11 |

| SELUROH NEGERI | Bahagian Division 1 | Bahagian Division 2 | Bahagian Division 3 | Jumlah Lulus | Jumlah Dudok | Peratus Lulus | Jumlah Gagal | Peratus Gagal |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Aliran | | | | | | | | |
| CHALUN2 PERSENDIRIAN (Aliran Melayu) | | | | | | | | |
| KM Chalun Persendirian Bandar Seri Begawan | 0 | 21 | 51 | 72 | 122 | 59.02 | 50 | 40.98 |
| LM Chalun Persendirian Tutong | 0 | 0 | 2 | 2 | 20 | 10.00 | 18 | 90.00 |
| MM Chalun Persendirian Seria dan Kuala Belait | 0 | 0 | 1 | 1 | 8 | 12.50 | 7 | 87.50 |
| NM Chalun Persendirian Temburong | 1 | 6 | 3 | 10 | 10 | 100.00 | 0 | 00.00 |
| | 1 | 27 | 57 | 85 | 160 | 53.13 | 75 | 46.87 |
| RENGKASAN | | | | | | | | |
| Sekolah2 Kerajaan | 37 | 132 | 179 | 348 | 471 | 73.89 | 123 | 26.11 |
| Chalun2 Persendirian | 1 | 27 | 57 | 85 | 160 | 53.13 | 75 | 46.87 |
| | 38 | 159 | 236 | 433 | 631 | 68.62 | 198 | 31.38 |

# SAMBUTAN PELAJARAN KELAS DEWASA MENGGALAKKAN

Oleh : Aisah Piee

MUARA. — Pelajaran2 di-kelas dewasa terus mendapat sambutan yang menggalakkan di-mana terdapat antara pelajar2-nya yang berkebolehan dihantar keluar negeri bagi melanjutkan pelajaran2 mereka melalui dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Demikian juga melalui pengajaran dalam be-berapa pelajaran yang tertentu di-kelas tersebut, telah membolehkan pelajar2 dewasa berkhidmat di-pejabat2 Kerajaan dan firma2 dalam bidang yang mereka perolehi.

## PELUANG BELAJAR

Beruchap demikian ketika merasmikan Pameran Aktiviti2 Pelajaran Dewasa Daerah Brunei-Muara yang telah berlangsong di-Pantai Muara di-sini baru2 ini, Pegawai Pelajaran, Awang Adnan bin Buntar selaku wakil Pengarah Pelajaran, memberitahu peluang melanjutkan pelajaran di-perengkat dewasa akan sentiasa terbuka kapada orang ramai.

Beliau menyeru pelajar2 dewasa supaya mengambil peluang dan segala kemudahan2 yang telah di-berikan oleh Jabatan Pelajaran dalam usaha meninggikan taraf pendidekan kelas2 dewasa.

## PEMBENTOKAN

Pelajaran dewasa dalam tahun 1953, menurut-nya, ada-lah hasil daripada pembentokan salah satu dari kegiatan2 Jabatan Pelajaran yang bertujuan bagi membenteras buta huruf di-kalangan orang2 dewasa, tetapi kerana mengikut peredaran masa, tujuan tersebut telah beraleh kapada pengajaran khusus saperti urusan rumah-tangga, pelajaran perdagangan, menaip, trengkas dan simpanan kira2.

Sementara itu, Pemangku Penyusun Pelajaran Dewasa, Pg. Hj. Tajuddin bin Pg. Anak Hashim dalam uchapannya mensifatkan Pameran Aktiviti2 Pelajaran Dewasa sa-bagai oleh2 dari perasaan tanggong-jawab dan didekasi penyelia2, guru2 dan pelajar kelas dewasa, di-mana sifat amanah, jujor, effishen dan didekasi itu harus ada pada sa-tiap pegawai2 kerajaan.

Pameran tersebut adalah pertama kali-nya diadakan di-Daerah Brunei-Muara, juga bersempena dengan Sambutan Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-Negeri Brunei, dan sa-bahagian dari pendapatan kewangan yang di-perolehi dari berbagai sumber pada hari itu menurut Pengiran Haji Tajuddin, akan di-sumbangkan kapada Tabong Orang2 Chachat.

## UCHAPAN ALU2AN

Turut memberikan uchapan alu2an-nya ia-lah Pengerusi Pameran, Awang Muhammad bin Sukaimi yang menegaskan bahawa pelajaran dewasa juga tidak kurang pentingnya dalam memberi kesedaran kapada orang2 kita di-sini.

Ibu-bapa2 dalam tahun lima-pulohan dulu kebanyakan-nya tidak tahu membacha dan menulis, malah tidak mengetahui apa itu pelajaran, menurut-nya kini telah sedar dan menghadhiri kelas2 dewasa yang di-sediakan.

## KEGIATAN2

Awang Muhammad berkata pameran2 itu bertujuan bagi memperlihat dan mempamerkan kapada umom akan kegiatan2 dan kebolehan2 pelajar2 kelas dewasa, di-samping memupok semangat persefahaman serta menyatu-padukan tenaga dan satu2 projek2 dengan penoh didekasi dan harmoni, memperkembangkan semua bidang pelajaran yang sesuai lagi berkesan, dan memperlihatkan kebolehan pelajar2 dewasa dalam memupok jiwa kesokanan.

Temasha hari itu telah di-dahului dengan persembahan2 hiboran dan kebudayaan dari Badan Kesenian dan Kebudayaan Dewan Bahasa dan Pustaka, murid2 Sekolah Melayu/Persediaan Inggeris Serasa, dan persembahan nyanyian dari orang2 chachat.

## ACHARA SOKAN

Sa-banyak 22 achara sokan, persembahan2 dan peraduan2 telah di-adakan, termasok sokan bagi orang2 chachat dan peraduan membacha bagi pelajar2 kelas membenteras buta huruf bahagian permulaan, menengah dan tertinggi.

Hadiah kapada pemenang2 pameran urusan rumah-tangga, achara2 sokan dan peraduan2 telah di-sampaikan di-sa-belah petang-nya.



AWANG Adnan memotong pita sa-bagai menandakan perasmian Pameran Aktiviti2 Pelajaran Dewasa yang di-adakan di-Pantai Muara (gambar atas) sementara gambar bawah menunjokkan kumpolan Badan Kesenian dan Kebudayaan Dewan Bahasa dan Pustaka mempersembahkan tarian dalam temasha tersebut.





SA-BAHAGIAN dari pelajar2 Kelas Pelajaran Dewasa yang turut mengambil bahagian dalam peraduan menganyam ketupat.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 16hb. hingga 19hb. Januari, 1982

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Jerudong | 16.1.1982 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 16.1.1982 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 16.1.1982 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 16.1.1982 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 16.1.1982 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 16.1.1982 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 18.1.1982 | Isnin | 2.00– 3.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 18.1.1982 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 19.1.1982 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 19.1.1982 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |



AK. KAMARULZAMAN membuat persediaan sa-belum memulakan penerbangan solo-nya.

# Kadet juruterbang RBA jalani latehan

BERAKAS. — Kadet juru terbang Diraja Brunei yang ketiga, Ak. Kamarulzaman bin Pg. Md. Salleh, baru2 ini telah menamatkan penerbangan solo-nya yang pertama.

Dalam langkah pertama-nya untok menjadi sa-orang juru terbang, Ak. Kamarulzaman ketika ini sedang menjalani kursus sa-tahun juru terbang di-Air Service Training School di-Perth, Scotland untok memperolehi kelayakan asas penerbangan.

Sa-lepas sa-tahun di-Perth, beliau akan meneruskan pelajaran-nya di-New Zealand di-mana ia akan mengikuti kursus penerbangan dengan dua orang juru terbang tempatan kita yang pertama.

Di-New Zealand, Juruterbang2 tersebut akan membuat penerbangan dengan kapal terbang jenis F27 bersama Air New Zealand.

Ak. Kamarulzaman berharap akan membuat penerbangan dengan Diraja Brunei B737's dalam tahun 1984.



# Shell bantu Jabatan Letrik

SERIA.—Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad baru2 ini telah membantu Jabatan Letrik Kerajaan dalam pengangkutan dua buah alatubah (transformer). Alat2 yang berat-nya masing2 30 tan itu di-angkut dari Seria ka-janakuasa Gadong.

Dua buah terila dan sabuah kren pengangkut berat telah di-gunakan dalam kerja2 pengangkutan yang mengambil masa sa-lama 13 jam itu.

Gambar kiri kelihatan kerja pemunggahan salah sa-buah transformer ka-atas terila.



## Melanjutkan pelajaran atas biasiswa Shell

SERIA.—Awang Mohammad Jaafar bin Haji Awg Besar dari FAC, akan berlepas ka-United Kingdom awal bulan ini untok meneruskan pelajaran-nya dalam bidang akauntan di-Luton College of Higher Education, England.

Pemergian Awang Jaafar di-biayai oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Beliau akan berada di-sana sa-lama dua tahun.

Kursus yang akan di-ikuti-nya dalam dua perengkat. Perengkat Asas A-B dan perengkat kemahiran, bahagian I hingga III.

Awang Mohammad Jaafar telah memperolehi kelayakan dalam bidang tersebut sa-hingga perengkat kemahiran I sa-masa menuntut di-United Kingdom. Ini melayakkan beliau memasoki Association of Accounting Technicians (AAT).

Dalam masa dua tahun, Mohd Jaafar berharap akan menamatkan perengkat kemahiran II dan III yang akan membolehkan beliau menjadi ahli Association of Certified Accountant (ACCA), United Kingdom.

Awg Mohd Jaafar memasoki Sharikat Minyak Shell dalam bulan Oktober 1979.

## $3 ribu derma dari Shell

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad baru2 ini telah membuat satu sumbangan tahunan-nya sa-banyak tiga ribu ringgit kapada Badan Kebajikan Kebangsaan Negeri Brunei.

Chek tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masharakat Shell, Dayang Siti Radiah bte Haji Mohd. Yussof kapada Ketua Pegawai Kebajikan Masharakat, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris.

## Jalan Lorong Dua Timor di-tutop

SERIA. — Sa-bahagian Jalan Lorong Dua Timor di-antara Jalan Tengah dan Jalan Satu Selatan akan di-tutop buat selama2-nya kapada semua lalu-lintas mulai 26hb Disember, 1981 yang lalu.

Penutopan tersebut ada-lah bagi membolehkan pembenaan projek kilang penapis baru di-jalankan.

## 1 juta jam bekerja tanpa kemalangan

SERIA.—Sharikat BLNG sekali lagi berjaya memperolehi sa-juta jam bekerja tanpa kehilangan masa kemalangan pada 4hb Disember, 1981 yang lalu.

## 42 orang ikuti kursus kejuruteraan

SERIA. — Sa-ramai 42 orang peserta kursus telah mengikuti kursus2 kejuruteraan dan teknik2 penghasilan serta pengalian2 yang telah di-adakan di-Pusat Latehan Sharikat Minyak Shell dalam bulan lalu.

Kursus ini di-adakan pada asas-nya ia-lah untok jurutera2 baru berkhidmat dalam ranchangan latehan kejuruteraan untok jurutera2 luar.

Awang M.J. Beaumont, dari pusat latehan di-SIPM telah di-undang khas untok memberikan sharahan mengenai kejuruteraan penghasilan.

Sementara sharahan mengenai pengenalan teknik penggalian dan penghasilan telah di-sampaikan oleh Frank Verlinden dan George Smith, kedua2-nya dari Jabatan Latehan.

Kursus ini merupakan kursus asas yang pertama kali di-adakan di-sini. Pada masa2 yang lalu kursus sa-rupa ini di-adakan di-Hague.

# DBP USAHAKAN PENERBITAN NOBEL DAN BUKU SASTERA

Pada 30hb. Disember 1981, majlis menandatangani memorandum perjanjian untok menerbitkan dua buah novel telah di-langsongkan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

### MENANDA TANGANI

Majlis itu berlangsong antara Dewan Bahasa dan Pustakan yang di-wakili oleh Timbalan Pengarah, Awang Haji Ahmad bin Kadi dengan Awang Md. Salleh Abd. Latiff, sa-laku penulis.

Majlis menandatangani itu di-hadhiri oleh Ketua Bahagian Penerbitan, Awang Md. Ali Haji Abd. Razak, sa-laku saksi penerbit dan Awang Md. Shahri POKAID Awang Haji Hussin, sa-laku saksi penulis. Turut hadhir ia-lah Dayang Fatimah Talip dari Bahagian Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majlis menandatangani itu ada-lah di-sekitar perjanjian untok menerbitkan dua buah novel Awang Md. Salleh yang masing2 bertajok "Meniti Hasrat" dan "Tiga Orang Budak Berani". Novel pertama ada-lah novel untok bachaan orang dewasa sementara novel kedua ada-lah novel kanak-kanak.

"Meniti Hasrat" merupakan novel kedua Awang Md. Salleh yang akan di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel pertama-nya yang telah di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka berjodol GEGARAN SA-MUSIM. Novel sa-tebal 150 halaman itu boleh di-dapati dari Jabatan ini dan di-kedai buku Sharikat Mega.

### PERJANJIAN

Sementara itu pada 19hb. Nobember 1981 yang lalu, satu majlis sa-umpama ini juga telah sempurna di-adakan. Majlis penandatanganan memorandum perjanjian itu berlangsong antara penerbit yang di-wakili oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pg. Badaruddin Pg. Ghani dengan Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Majlis itu juga di-hadhiri oleh Awang Haji Ahmad bin Kadi, sa-laku saksi penerbit dan Awang Haji Alias Pengarah Haji Jalil, sa-laku saksi penulis. Turut hadhir ia-lah Awang Md. Ali Haji Abd. Razak dan Dayang Siti Aminah Haji Md. Tahir dari Bahagian Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Memorandum Perjanjian itu di-tandatangani di-sekitar perjanjian untok menerbitkan buku "Asas2 Kritik Sastera". Buku itu akan mengandongi sa-puloh bab yang membinchangkan empat daerah sastera — puisi, perosa, drama dan kritik.

Sa-bahagian besar daripada artikel yang terkandong dalam buku tersebut ada-lah artikel2 yang pernah di-terbitkan dalam majalah luar dan dalam negeri dan dari kertas-kerja yang pernah di-bentagkan dalam Seminar Sastera.

### ARTIKAL

Buku ini nanti akan dapat di-jadikan buku rujokan terhadap perkembangan kesusasteraan tempatan. Satu2-nya buku yang sa-demikian yang telah di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa ini bertajok SUATU PENGENALAN SEJARAH KESUSAS-TERAAN MELAYU BRUNEI karya Muhammad Abd. Latiff.

Dengan penerbitan buku "Asas2 Kritik Sastera" ini nanti akan bertambah-lah lagi buku kesusasteraan yang di-terbitkan di-negeri ini sa-bagi bahan rujokan terhadap rebah-bangun dan perkembangan kesusasteraan Melayu di-negeri ini.



PENGARAH DBP, Pengiran Badaruddin Pengiran Ghani menandatangani perjanjian dengan Awang Haji Yahya Haji Ibrahim dengan di-saksikan oleh Timbalan Pengarah, Awang Haji Ahmad Kadi (kedua dari kiri), Awang Haji Alias (paling kiri), Awang Md. Ali (kedua dari kanan) dan Dayang Siti Aminah (paling kanan).



TIMBALAN Pengarah, Awang Haji Ahmad Kadi menandatangani perjanjian dengan Awang Md. Salleh Abdul Latiff dengan di-saksikan oleh Awang Md. Ali (paling kanan), Awang Md. Shahri (kedua dari kiri) dan Dayang Fatimah Talip (paling kiri). Gambar2 ihsan DBP, Brunei.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

6.00–6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.05 pagi : Sinaran Wahyu
6.15 pagi : Santapan Rohani
6.30 pagi : Dendang Suria
6.45 pagi : Berita
6.50 pagi : Dendang Suria
12.00–12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
7.30 malam dan
1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 „ Do'a Restu
10.29 „ Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita2 dalam dan luar negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**
Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 6hb. Jan.

PAGI :
7.00 Panduan Sokan
7.30 Sudut Pelita
8.30 Taman Mekar
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Dendang Saloma
11.30 Autograph Pendengar

T/HARI :
1.30 Seloka Merpati (SU).

PETANG :
2.00 Dunia Wanita
2.30 Chitra Irama
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Bangsawan di-udara
4.30 Senandong Budaya
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Rampaian Asli.
6.40 Senandong Senja.

MALAM :
7.00 Rangkaian Lama dan Baru.
8.30 Permintaan Sukaramai
9.00 Belia Mewakili Zaman-nya
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 7hb. Jan.

PAGI :
8.30 Melody adek-ku.
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Penglipor Lara
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai.

T/HARI :
1.30 Chitra Wara (SU)

PETANG :
2.00 Gema Keronchong
2.30 Tetamu Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Rimba Raya
3.45 Instrumental Inggeris
4.00 Sandiwara Radio.
4.30 Majallah Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Lagu2 Nasehat.
6.45 Irama Dakwah

MALAM :
7.00 Bachaan Surah Yassin
7.15 Lagu2 Berirama Gambus
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Tafsir Al-Koran
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 8hb. Jan.

PAGI :
8.30 Majallah Radio
9.00 Suara Gambus
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Lagu2 Nasihat
10.45 Muzium Di-Udara
11.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
11.30 Bimbingan Al-Kor'an

TENGAH HARI :
12.00 Lagu2 Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
Menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat
1.15 Lagu2 Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG :
2.00 Lukisan Masharakat
2.30 Bintang Bintang Awda
3.15 Panduan Sokan
3.20 Apa Pendapat Awda/Hiboran
3.30 Permintaan Jiran Tetangga
4.00 Untok Pak Tani
4.30 Langgam Suara
5.00 Suntingan Khutbah Jumaat
5.15 Pilehan Juruhebah
5.45 Senandong Senja
6.15 Irama Dakwah

MALAM :
7.00 Cherpin dan Salokan
8.30 Selayang Pandang
9.00 Majallah Ugama (SU)
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 9hb. Jan.

PAGI :
7.30 Siaran langsong sambutan Maulud seluroh negeri
10.30 Permainan Gambus
11.00 Ngah Haji.
11.30 Hiboran Untok Adek2.

T/HARI :
1.30 Lagu2 Dari Filem
1.45 Muzium Di-Udara

PETANG :
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Anika Lagu/Apa Pendapat Awda
3.30 Cherpin dan Salokan
4.00 Mutiara Asli
4.30 Fukas Radio
5.00 Varia Peristewa
5.00 Rangkaian Lagu Lama dan Baru
5.45 Senandong Senja
6.15 Lagu2 Asli.

MALAM :
7.00 Titian Budaya
7.15 Selingan Irama
8.30 Chitra Irama
9.00 Bangsawan Di-Udara (SU)
9.45 Hiboran Malam Minggu

### Hari Ahad 10hb. Jan.

PAGI :
7.30 Panduan Sokan
7.30 Intisari
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Suara Kugiran
10.15 Titian Budaya (SU)
10.30 Sandiwara Radio
11.00 Mutiara Asli
11.30 Dunia Wanita

T/HARI :
12.00 Tahniah dan Uchap Selamat
12.30 Menghibor Awda
1.00 Permintaan Dua Station

PETANG :
2.00 Selayang Pandang
2.30 Seloka Merpati
3.10 Panduan Sokan
3.20 Irama Gembira
3.30 Majallah Sokan
4.00 Chitrawara
4.30 Tetamu Radio
5.00 Senandong Seloka
5.45 Senandong Senja
6.15 Irama Dakwah

MALAM :
7.00 Hiboran Ria
8.30 Suara Parajurit
9.00 Gema Keronchong/Ira Kenchana
9.45 Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama)

### Hari Isnin 11hb. Jan.

PAGI :
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Bingkisan Tanah Ayer

PETANG :
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Mari Berpantun
3.15 Rampaian Joget
3.30 Untok Pak Tani
4.00 Senandong Seloka (SU)
4.30 Ruangan Ketani
5.00 Pilehan Juruhebah
5.45 Lagu2 Rampaian
6.15 Senandong Senja

MALAM :
7.00 Senandong Ria
8.30 Ku Tujukan Lagu
9.45 Langgam Suara (SU)

### Hari Selasa 11hb. Jan.

PAGI :
8.30 Suara Parajurit (SU)
9.00 Dendang Antara Bangsa
9.30 Permintaan Kaum Wanita
10.15 Lagu2 Berirama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Hiboran
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Gazal

T/HARI :
1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG :
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Gema Silam
3.30 Suara Kugiran
4.00 Belia Mewakili Zaman-nya
4.30 Bintang-Bintang Awda (SU)
5.00 Varia Peristiwa
5.15 Menghibor Awda
5.45 Senandong Senja
6.15 Lagu2 Dakwah

MALAM :
7.00 Fukas Radio (SU)
8.30 Permintaan Sukaramai
9.00 Ruangan Kitani (SU)
9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

PM
8.00 Brahms: Variations On A Theme by Haydn Musical Interview
8.45 Vaughan Williams: Sea Symphony
9.30 Dance of the Flowers Vivaldi: Gloria.

#### Thursday

P.M.
8.00 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.30 Rock Line: featuring Thin Lizzy, The Jets and Siouxsie Sionx.
9.00 Story time: Three Men In A Boat by Jerome K. Jerome

#### Saturday

P.M.
8.00 Hits In Germany
8.45 Fact or Fantasy (repeat).
9.30 Top Of The Pops.

#### Monday

P.M.
8.00 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre: "The Monkey's Paw" by W. W. Jacobs.

#### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
8.00 Just For You
8.30 Radio Newsreel
9.00 Just For You (continued)
9.30 Stereo Pop Special

### Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.30 Radio Newsreel
9.15 News.

### Friday

AM
11.00 Practical World—artificial Industrial Islands
11.15 Light Music From The Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of The Sixties
12.45 My Music
1.15 BBC Sports Magazine — includes: The role of a soccer captain—bridging the aparthied gap.
8.00 Drama: "A Farewell to Arms" by Earnest Hemmingway (Final episode)
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.
11.00 Museum on the Air
11.15 Big Band Sound
11.45 Career — Your Choice —
12.00 "Fact or Fantasy"
12.45 Interlude
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 Science Pop
8.15 Career — Your Choice (repeat)
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Meet Your Brain — An introduction to modern Scientific understanding of how the brain works.

# AZAM PASOKAN KITA MEREBUT PIALA BORNEO TERCHAPAI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Azam dan chita2 negeri kita untok merebut Piala Borneo telah terchapai dan terlaksana dalam perlawanan bolasepak tiga wilayah Borneo, — Brunei, Sabah dan Sarawak pada minggu lalu.

Kejohanan yang di-adakan bagi merabut piala kornia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah di-langsongkan di-Kompleks Sokan Jabatan Kerja Raya di-sini selama tiga hari berturut-turut yang bermula dari 25hb. Disember yang lepas.

Bermain di-padang sendiri dengan mendapat sokongan moral daripada penunton2 tempatan, pemain2 pasokan Kebangsaan kita telah menunjokkan mutu permainan yang boleh di-katakan mempersona hati para penunton2 yang menyaksikan kedua perlawanan negeri kita ia-itu ketika menentang pasokan Negeri Sarawak dan Sabah.

Dalam perlawanan negeri kita dengan pasokan Sabah yang berlangsong pada hari Sabtu 26hb. Disember, pemain2 kita dari awal melancharkan serangan2 yang bertubi-tubi ka-pintu gol Sabah tetapi di-sebabkan oleh ketengkasan penjaga gol-nya, segala serangan yang di-lancharkan oleh striker2 kita terutama sekali Roslan Haji Suhaili dan Ak. Zamani telah terlepas.

Impian kita untok menjaringkan gol bagi mendahului pasokan Sabah telah terchapai di-minit ke-37 di-mana jaringan gol ini telah di-perolehi melalui Ak. Zamani. Gol bagi pasokan kita ini berpuncha dari tendangan bebas di-luar garis penalti Sabah yang di-ambil oleh ketua pasokan, Pengiran Tajuddin yang telah menghantar bola tersebut kapada Ak. Zamani bagi jaringan gol pertama bagi pasokan kita.

Sabah dengan ketinggalan satu gol kosong tidak putus asa malahan mereka telah melancharkan serangan2 yang merbahaya ka-pintu gol Brunei terutama sekali penyerang merbahaya-nya Hassan Sani. Walaubagaimanapun dengan kehandalan dan ketengkasan Penjaga Gol kita Ali Haji Ismail, telah mendapat jolokan sa-bagai penjaga gol yang terbaik dalam perlawanan bolasepak Piala Malaysia musim tahun lalu, telah dapat mematahkan segala perchubaan striker2 dari Sabah.

Dalam minit ke-40 separoh masa kedua, Brunei sekali lagi dapat menjaringkan gol kedua-nya apabila bola yang di-tendang oleh Shari Timbang di-sudut kiri pintu gol Sabah terkena salah sa-orang pertahanan Negeri Sabah yang terus melantun ka-pintu gol dengan penjaga gol Sabah telah tersilap langkah untok menyelamatkan jaringan tersebut.

Sa-baik2 sahaja sa-paroh masa kedua bermula, Pasokan Sabah telah berjaya menghampirkan jurang perbedzaan gol ia-itu dalam minit ke-50 yang menjadikan kedudokan masa itu 2-1. Gol Sabah ini di-buat oleh penyerang handalan, Sabah Hassan Sani yang telah mendapat hantaran bola dari sudut kiri gol Brunei apabila Sabah di-berikan tendangan sudut.

Ketika menentang Sarawak pada hari berikut-nya Pasokan kita telah menewaskan Sarawak dengan jaringan empat gol berbalas satu. Gol2 Brunei di-jaringkan oleh Majidi Ghani (dua gol) dan gol2 yang lain-nya di-jaringkan oleh Pengiran Tajuddin dan Ak. Zamani. Sementara gol tunggal Sarawak di-jaringkan oleh Morshidi Ling.

Dari saat permulaan itu Pasokan Brunei telah melancharkan serangan ka-atas pintu gol Sarawak dan sa-hingga sampai minit ke-12 baharu-lah pasokan kita mendahului Sarawak. Gol ini telah di-jaringkan oleh Majidi Ghani yang menerima umpanan dari Ak. Zamani.

Lima minit kemudian Brunei menambahkan gol-nya melalui satu tendangan perchuma yang di-buat oleh Pengiran Tajuddin sa-telah Roslan Haji Suhaili di-jatohkan di-luar kotak penalti Sarawak.

Dalam sa-paroh masa kedua, Sarawak telah ber-jaya menjaringkan gol pertama-nya dalam minit ke-63 ia-itu melalui Morshidi Ling yang menjadikan kedudokan 2-1. Akan tetapi empat belas minit kemudian Ak. Zamani telah berjaya menjaringkan satu gol lagi apabila beliau berjaya menewaskan penjaga gol Sarawak, Effandi Jol. Dan sa-belum permainan di-tamatkan Pasokan kita telah mengukohkan kedudokan apabila Majidi Ghani berjaya mengatasi barisan pertahanan Sarawak untok menjaringkan gol ke-empat bagi pasokan kita.

Ada-lah di-fahamkan bahawa perlawanan tahun depan akan di-langsongkan di-Kuching Sarawak.




SA-BAHAGIAN pemain2 pasokan kebangsaan kita termasok jurulateh, Pengiran Ibrahim menjulang 'Piala Borneo' sa-bagai tanda kegembiraan.



INI-LAH barisan pemain2 Kebangsaan kita yang telah berjaya menjadikan Brunei untok munchol sa-bagai juara. Kelihatan juga dalam gambar ia-lah Naib Yang Dipertua BAFA, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

## Sumbang kapada Jabatan Kebajikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan pada 30hb. Disember lalu telah menerima beberapa sumbangan yang berupa sa-buah peti talivishen berwarna, sa-buah perakam keset video berserta sa-buah filem dokumentari mengenai orang2 chachat dan sa-buah kerusi roda.

Sumbangan yang di-lakukan bersempena dengan Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat oleh Sharikat Perbadanan Mitsubishi itu telah di-sampaikan oleh Awang Oka, pengurus sharikat kapada Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris, Ketua Pegawai Kebajikan Masharakat.

Terdahulu dari itu, Datin Hajjah Zahrah telah menerima beberapa bahan pameran mini-expo yang di-sampaikan oleh Pengarah Pusat Perniagaan dan Kebudayaan Timur Jauh, Taiwan, Awang Shao Chuan Chung, yang juga di-sumbangkan bersempena dengan tahun tersebut.

## Pesta sokan di-tanggohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesta Sokan Jabatan Kerja Raya '81 yang di-jadualkan pada 2hb Januari lalu di-tanggohkan kapada 17hb Januari ini.

Pesta Sokan sa-hari suntok itu akan di-adakan di-Komplek Sokan JKR di-Jalan Berakar.

Pengarah Kerja Raya, Y.B. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit akan merasmikan pesta sokan tersebut.




## Perlawanan bolasepak tujoh sa-pasokan berakhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir bolasepak tujoh orang sa-pasokan anjoran Persatuan Perkasa telah di-langsongkan di-Padang Besar di-ibu negeri di-sini pada hari Isnin 28hb. Disember yang lepas.

Sa-banyak tiga perlawanan telah di-jalankan pada hari itu ia-itu perlawanan bagi pemain2 16 tahun kebawah, 20 tahun kebawah dan terbuka.

Dalam perlawanan 16 tahun kebawah ia-itu bagi merebut oskar yang di-sumbangkan oleh Awang Haji Juraini bin Haji Bakar, Kelab Bolasepak Kabus dari Kampong Bukit Salat telah menewaskan Persatuan IKLAS dari Kampong Lurong Sikuna dengan tendangan penalti 4-3.

Sementara Pasokan SHSBAS 5 dari Kampong Peramu, yang juga merupakan juara tahun lalu bagi pemain2 yang berumor 20 tahun kebawah telah berjaya mempertahankan kejuaraan-nya sa-telah menewaskan Pasokan LEGACY dengan jaringan 4 gol tanpa balas. Dengan kemenangan itu pasokan tersebut telah berjaya merebut oskar yang di-sumbangkan oleh Awang Sulaiman bin Sani.

Pasokan KEMAS A dari Kampong Sungai Kedayan telah berjaya munchol sa-bagai juara dalam kejohanan bagi pemain2 umor tidak terhad (terbuka) dengan menewaskan pasokan PAPP dari Kampong Sultan Lama dengan tendangan penalti 4-3. Kejohanan ini ia-lah bagi merebut oskar yang di-sumbangkan oleh Awang Haji Abd. Latif bin Mohammad.

Perlawanan yang di-anjorkan sa-bagai projek tahunan persatuan itu telah di-sertai oleh sa-banyak 110 buah pasokan yang mewakili kelab2, persatuan2 belia dan kebajikan serta kampong2 di-sekitar Kampong Ayer.

Setiausaha Persatuan PERKASA, Awang Hussain bin Seruddin ketika di-temui oleh pehak PELITA BRUNEI, menjelaskan bahawa pertandingan tersebut di-anjorkan ada-lah semata-mata bertujuan untok meninggikan taraf permainan bolasepak bagi pendudok2 yang tinggal di-kampong ayer.

Menyentoh mengenai dengan sambutan perlawanan pada tahun ini, beliau berkata yang pertandingan pada tahun ini sunggoh menggalakan di-mana sa-banyak lebeh daripada 100 buah pasokan telah mengambil bahagian.

Jumlah yang begitu banyak, kata-nya ada-lah di-luar dugaan dan untok itu beliau berharap supaya akan lebeh ramai lagi pasokan2 di-sekitar Kampong Ayer akan menyertai-nya di-tahun hadapan.

Dalam hubongan ini, beliau telah menguchapkan tahniah kapada pasokan2 yang telah berjaya munchol sa-bagai juara sementara kapada pasokan2 tidak berjaya supaya tidak akan berputus asa malahan akan lebeh berusaha dengan lebeh giat pada meninggikan mutu permainan masing2.

Hadiah2 kapada pasokan2 yang menang telah di-sampaikan oleh Awang Haji Abd. Latif Muhammad, Penasehat Persatuan PERKASA.



KELIHATAN Penasehat Persatuan PERKASA, Awang Haji Abdul Latif menyampaikan oskar kapada ketua pasokan KEMAS A, Awang Mohammad bin Md. Noor.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEGAWAI BAHASA KANAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai PEGAWAI BAHASA KANAN di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah sa-orang penulis/pengarang yang berpengalaman tidak kurang daripada 30 tahun di-bidang penulisan kreatif sastera serta essei sastera dan kebudayaan.

b) Chalon2 yang berpengalaman saperti di-para (a) hendak-lah dapat menunjokan karya2 yang sudah di-terbitkan saperti berikut :

i) sekurang2-nya 15 buah novel;

ii) sekurang2-nya 3 buah biografi;

iii) sekurang2-nya 150 buah renchana meliputi berbagai persoalan saperti ugama, politik, sosial, ekonomi dan umom;

iv) sekurang2-nya 3 buah buku2 umom; dan

v) sekurang2-nya 7 buah buku2 terjemahan.

c) Chalon2 yang berpengalaman luas di-bidang pengendalikan kerja2 perchetakan, penyuntingan dan penyelidekan akan di-berikan keutamaan.

d) Dapat membacha dan menulis jawi dengan baik.

e) Pengalaman dan kebolehan sa-bagai Ketua Bahagian untok menyusun ranchangan penghasilan buku dan majallah ada-lah satu kelebehan yang amat di-perlukan.

**Tangga Gaji :**

B.3—$3350-3445-3540-3640. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Januari, 1982.

(E/1703/80—Bil : 225/1981)

## OPERETER PENAPIS DAN TUKANG LETRIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei.

1. OPERETER PENAPIS:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 yang berumor antara 18 hingga 30 tahun, mesti-lah lulus sa-kurang2-nya Tingkatan III dan mempunyai Sijil Penyelamat yang di-iktiraf. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengetahuan tentang chara2 menggunakan alat2 penapis ayer. Chalon-chalon yang berjaya mesti-lah bersedia untok bekerja di-luar masa bekerja biasa bagi pegawai2 kerajaan. Sa-lain dari itu mereka di-kehendaki menjalankan tugas sa-bagai Penyalamat.

**Tangga Gaji :**

D. 1 EB. 2 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555 - 580-605-630-655.

2. TRADESMAN (TUKANG LETRIK):

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah tamat mengikuti sesuatu kursus juruletrik yang di-akui di-sa-sebuah sekolah pertukangan. Mempunyai pengalaman menyenggara dan membaiki alat2 letrik yang di-gunakan di-rumah dan alat2 letrik yang lain.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb Januari, 1982.

(E/1831/76)

(Bil : 226/1981)

## Sa-bagai Penyelia Rumah2

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENYELIA RUMAH2 di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya 4 mata pelajaran Perengkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

b) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai kebolehan bertutor lebeh dari satu bahasa/loghat sa-lain daripada Bahasa Melayu.

c) Bagi chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan akademik di-atas juga akan di-pertimbangkan jika mempunyai pengalaman2 di-dalam bidang penjagaan asrama dan pengawalan penghuni2-nya.

d) Jawatan ini hanya terbuka kapada pemohon2 lelaki sahaja yang berumbor tidak kurang dari 35 tahun.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175 Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Januari, 1982.

(E/345/81)

(Bil : 221/1981)

## Penolong Guru Tukang Kayu Seni Ukir

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENOLONG GURU TUKANG KAYU SENI UKIR di-Bahagian Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan, Jabatan Muzium, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 hendak-lah berumor di-antara 30 hingga 50 tahun.

b) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan bagi mengukir alat2 dari bahan2 kayu, tandok, gading dan sa-bagai-nya.

c) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan bagi membuat kepala dan sarong keris dan bahan2 lain.

d) Mahir membuat sampak dari jenis logam emas, perak atau tembaga bagi kepala dan sarong keris.

e) Berpengalaman mengajar seni pertukangan sekurang2-nya tiga tahun dalam kerja2 pertukangan kemahiran-nya.

**Tangga Gaji :**

D. 3-4 EB. 5—$720-755-790-825-860-900-980 - 1010 - 1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Januari, 1982.

(E/551/77)

(Bil: 227/1981)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

**TENDER No. 90/81**

SUB-STATION FOR ELECTRICAL DEPARTMENT AT JALAN KUMBANG PASANG/GADONG INTERSECTION, BANDAR SERI BEGAWAN.

TENDERS will be received by The Chairman of The Tenders Board at the Office of The State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class "B" and above contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 12th. January, 1982.

2. TENDERS received after the stipulated time will be rejected.

3. TENDERS shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly

"TENDER FOR THE SUB-STATION FOR ELECTRICAL DEPARTMENT AT JALAN KUMBANG PASANG/GADONG INTERSECTION, BANDAR SERI BEGAWAN".

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of Akitek Ibrahim, 201 Perdana Shopping Complex, Bandar Seri Begawan from 17th. December, 1981 during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be $500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. TENDERS shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any Tender.

**TENDER No. 91/81**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" up to 12.00 noon on Tuesday, 5th January, 1981.

ELECTRICAL INSTALLATION FOR RENOVATION TO EXISTING REGALIA HALL AT ISTANA DARUL HANA BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR RENOVATION TO EXISTING REGALIA HALL AT ISTANA DARUL HANA, BANDAR SERI BEGAWAN.

The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## KENYATAAN TAWARAN

SHARIKAT2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Brunei bagi membekalkan alat yang berikut untok Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat pada 2hb Februari 1982 :

i) Tong (Peti Wang) di-perbuat daripada aluminium sa-banyak 60 biji.

2. Sharikat2 yang berhajat menghantar tawaran ada-lah di-kehendaki menyatakan harga bagi 1 biji tong tersebut dan jika di-bawa masok dari luar negeri maka bayaran chukai hendak-lah di-masokkan.

3. Penerangan2 lanjut mengenai perkara ini boleh di-dapati dari Kerani Tingkat I (Bahagian Tawaran), di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Tingkat Pertama Bilek 205 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

4. Wang deposit mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar sa-banyak $100.00 (Saratus ringgit sahaja) di-Jabatan Hal Ehwal Ugama kapada Pembantu Kewangan, Tingkat Pertama Bilek 202 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 1hb Februari 1982 jam 2.30 petang.

5. Tawaran hendak-lah di-hantar dan di-masokkan dalam sampul surat yang tertutop kechuali dengan hanya membuboh nama "Membekalkan Tong (Peti Wang) bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama."

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sa-umpama-nya.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

**No. 209 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th. January, 1982 for:—

TURFING OF PROPOSED KAMPONG MATA-MATA RESETTLEMENT AREA PHASE I AND II GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 210 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th. January, 1982 for:—

PROPOSED RE-ROOFING AND REPAIR WORKS AT THE ESTABLISHMENT DEPARTMENT OFFICE STATE SECRETARIAT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Sa-bagai Merinyu Peranchang

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai MERINYU PERANCHANG di-Pejabat Peranchang Bandar dan Desa, Brunei.

Keutamaan akan diberi kapada : —

a) Chalon2 yang telah lulus Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya satu tahun pengalaman amali dalam pengawasan kerja2 bangunan, mesti-lah boleh membacha lukisan bangunan atau kejuruteraan dan bersedia untok mengendalikan kerja luar.
ATAU

b) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman amali sekurang2-nya lima tahun dalam pengawasan kerja2 bangunan, boleh membacha lukisan2 bangunan atau kejuruteraan dan bersedia menjalankan kerja2 luar boleh juga di-pertimbangkan.

**Umor :**

25 hingga 45 tahun.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Januari, 1982.

(E/1828/76—Bil: 216/1981)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEMBANTU HAIWAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMBANTU HAIWAN di-Bahagian Kelinik Haiwan, Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Telah memperolehi latehan di-bidang teknik kehaiwanan dan juga pengendalian binatang-bintang ternakan di-Maktab yang di-iktiraf. Kelulusan dalam sa-kurang2-nya tiga mata pelajaran yang satu daripada mata pelajaran Sains (perengkat 'O' level) serta faseh dan mahir dalam Bahasa Melayu dan Inggeris ada-lah satu kelebehan.

Berkhidmat tidak kurang dari 4 tahun di-Kelinik Haiwan dan mempunyai pengalaman dalam pengendalian binatang2 ternakan.

**Tugas2 :**

Penchegahan penyakit2 binatang yang berjangkit juga mengawas ternakan atas arahan Pegawai Haiwan, juga Pegawai Pusat Pemeliharaan Ternakan serta mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 Daerah di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb. Januari, 1982.

(E/699/64 — Bil:239/1981)

## TENDER NOTICE

1. Tenders will be received by the Chairman of Tenders Board at the Office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on 12th. January, 1982 (Tuesday) for the Construction and Completion of:

PHASE I CONTRACT OF SUB-STRUCTURE FOR THE PROPOSED ARTS AND CRAFTS CENTRE, JALAN RESIDENCY, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

2. Tender Documents can be examined at and obtained only from 30th. December, 1981 (Wednesday) onwards during normal office hours from the office of the Architect:

AKITEK IBRAHIM
(akitek berkanun)
201 PERDANA SHOPPING COMPLEX
MILE 1 JALAN TUTONG
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

3. No tender drawings and documents will be issued after 4.00 p.m. on 8th. January, 1982 (Friday).

4. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenders are required to:

4.1 produce documentary evidence of their P.W.D. registration status

4.2 produce a letter from his bank (the said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted the said bank will furnish him with a Banker's Gurantee (in the sum of approximately $200,000.00) in accordance with the Conditions of Contract.

5. The Tender Deposit required is $1,000.00 (Dollars One Thousand Only) which is in the form of a bank draft and shall be made payable to the Government of Brunei. The deposit is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all Tender Documents in good condition to the Office of the Architect.

The Tender Deposit will be *forfeited* from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architect's Office before the closing date.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders shall be submitted on the Form of Tender provided.

7. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of tenderer, and the said envelope shall be marked clearly:

"TENDER FOR THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF PHASE I CONTRACT OF SUB-STRUCTURE FOR THE PROPOSED ARTS AND CRAFTS CENTRE, JALAN RESIDENCY, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI"

8. Tenders are to be submitted and must reach the office of:

THE CHAIRMAN
TENDERS BOARD
SECRETARIAT BUILDING
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

not later than 12.00 noon on 12th. January, 1982 (Tuesday). Tenders received after the above stipulated closing time and date will be rejected.

9. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Di-Penerbangan Awam, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa kapada pemohon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi mengisikan kerja2 kosong saperti berikut:—

1) PEMANDU KAPADA PENGURUS AM RBA

TUGAS2:

Membawa dan menghantar pengurus Am ka-mana2 sawaktu bekerja jika di-kehendaki. Menghantar surat2 kapada pejabat2 lain dan untok di-pos. Menjaga kereta pengurus Am dengan chermat dan berseh.

KELAYAKAN:

Mempunyai lisen memandu kelas 3. Boleh berchakap dan bertutor dalam bahasa Inggeris. Mempunyai pengetahuan dalam kerja membaiki kereta di-masa chemas. Mempunyai pengetahuan alam Brunei yang baik. Boleh memandu dengan chermat dan selesa.

2) KERANI DI-RESERVATIONS

TUGAS2:

Menerima panggilan2 telepon dari luar dan dalam bagi membuat pengesahan tiket2 penumpang, membuat Booking dan Cancelling dan menerima tetamu2 yang hendak membeli atau membuat Booking tiket2 pelayaran. Menghantar Telex ka-steshen2 luar.

KELAYAKAN:

Mempunyai pengalaman di-bidang penerbangan. Lulus sa-kurang2-nya tingkatan 5 Inggeris dan lulus dalam mata2 pelajaran Ilmu Hisab dan Ilmu Alam. Mempunyai sifat yang baik dan rupa bentok badan yang menarek.

3) TELEX OPERATOR

TUGAS2:

Menghantar telex dengan menggunakan mesin.

KELAYAKAN:

Lulus hingga tingkatan 5 perengkat 'O'. Boleh membacha dan menulis Bahasa Melayu dan Inggeris. Mempunyai pengalaman sa-bagai telex operator ada-lah penting.

Permohonan2 melalui surat di-dalam bahasa Inggeris memberikan butir2 keterangan pemohon mesti-lah di-kirim kapada:—

PENOLONG PENGURUS
KAKITANGAN
PENERBANGAN DIRAJA
BRUNEI
PETI SURAT 737
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

tidak lewat dari 8hb. Januari, 1982.

## TENDER NOTICE

### PUBLIC WORKS DEPARTMENT
### KUALA BELAIT WATER SUPPLY — STAGE 3
### CONTRACT No. 15
### CONSTRUCTION OF RAW WATER PIPELINE

TENDERS are invited from PWD registered Class A civil engineering Contractors, with experience in pipe laying, for the laying of about 36,750 feet of 28 inches OD steel pipeline from Badas to Seria. Also included in the Contract are an access road running parallel to the pipeline and piling for extensions to the existing raw water pumping station at Badas. The required pipes, fittings, specials, valves etc. will be supplied under another contract.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers,

Watson Hawksley Asia
Room 40, Hongkong Bank Chambers
Bandar Seri Begawan
Brunei

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$1,000 payable to Government of Brunei. The deposit will be refunded to every tenderer who submits a bona-fide but unsuccessful tender, but not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday 1st March 1982.

## Sa-bagai Guru Jururawat Kelinik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai Diploma Occupational Therapy daripada Sekolah2 Occupational Therapy yang berdaftar atau kelulusan yang sebanding dan mesti-lah berpengalaman. Pengalaman bekerja dengan kanak2 chachat merupakan satu kelebehan.

Gaji permulaan B$1975 sabulan dalam tangga gaji

M. 11. — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820.

2. GURU JURURAWAT KELINIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Kelulusan jururawat yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England, dan sebaik2-nya mempunyai Sijil Perbidanan Division satu atau kelayakan yang sebanding.

b) Mesti-lah mempunyai Clinical Instructor's Certificate daripada sa-sebuah badan latehan yang di-iktiraf dan mempunyai sekurang2-nya 2 tahun di-bidang latehan.

Gaji permulaan B$1975 sabulan dalam tangga gaji

M .11 — B$1670-1754-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Januari, 1982.

(E/326/78—Bil: 230/1981)

## Sa-bagai Tukang Pelan Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai TUKANG PELAN KANAN di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

a) Mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sebanding dengannya dan Higher National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau Intermedaite R.I.B.A. atau lain2 kelulusan yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai 6 tahun pengalaman dalam kerja2 melukis pelan di-pejabat Chartered Akitek atau Jurutera.

c) Mesti-lah boleh menyediakan pelan2 dan ukoran2 yang lengkap dari lukisan2 kasar (dimensional sketches).

ATAU

d) Bagi pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(a) tetapi mempunyai 6 tahun pengalaman dalam kerja2 melukis pelan dan boleh menyediakan pelan2 dan ukoran2 yang lengkap dari lukisan2 kasar (dimensional sketches) boleh juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395-1445 - 1495 - 1545 - 1615-1685 / E B / 1735-1795 - 1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Januari, 1982.

(E/1642/81)

(Bil : 224/1981)

## Sa-bagai Yeoman Pegawai Kechil

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai YEOMAN PEGAWAI KECHIL PEMBERI ALAMAT TINGKAT II di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 24 tahun dan tamat Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris. Pengetahuan menggunakan bahasa Inggeris merupakan satu kelebehan.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya empat tahun pengalaman praktikal sa-bagai operator tanda isharat atau radio dan mesti-lah faham chara2 menggunakan Radio Telefon V.H.F.

c) Pengetahuan terhadap Tanda2 Isharat Bendera Antarabangsa dan Morse Code merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Menyelia Steshen Isharat Laut di-Pelabohan Muara dan menyediakan perhubongan sachara penglihatan dan pendengaran di-antara kapal2 yang menggunakan pelabohan dan Steshen Isharat. Menjaga buku2 harian bekerja dan membuat laporan2 serta daftar bekerja. Pemegang jawatan ini di-kehendaki bekerja sa-chara bergilir2 dan pada hari2 rehat dan chuti awam.

**Tangga Gaji :**

D.1 EB2-3 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan besama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Januari, 1982.

(E/146/76 — Bil: 238/1981)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SHARIKAT2 Tempatan adalah di-pelawa menghantar tawaran mereka kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan, di-Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat pada 11hb. Januari, 1982 jam 4.00 petang untok:—

"MEMBEKALKAN ALAT" BAGI SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) PEREMPUAN RAJA ISTERI ANAK DAMIT, BRUNEI"

2. Keterangan tender dan lain2 keterangan mengenai perkara tersebut boleh-lah di-dapati di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan di-tingkat pertama, bilek No. 205.

## TENDER NOTICE

CONTRACTORS and Manufacturers wishing to prequalify for the following works should write giving full particulars of capability, past experience of works of a similar nature and total resources that could be committed to the project:—

1. Civil Engineering Contractors for the construction of

i) river channel works including bulk excavation involving dewatering, heavy sheet piling and reinforced concrete works.

ii) river diversion works involving piling over water and placing river protection materials under water.

iii) barrage structure involving mass and reinforced concrete foundations, r.c. towers to structure approx. 40ft high and access bridge of 100ft span.

2. Gate Manufacturers for the supply, including design, fabrication and erection of the barrage gate and all associated mechanical and electrical lifting and operating equipment. The gate of the vertical lift type is to be of 100ft span by 16ft deep with a total travel of 36ft.

Any further enquiries and submissions for prequalification should be directed to:—

Watson Hawksley Asia
SUITE 40 Hongkong Bank Chambers
Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
State of Brunei
TEL No: 25398/20356

or

Watson Hawksley Asia
18th Floor Tunas Building
114 Anson Road
Singapore 0207
Tel No: 2208788

Copies of prequalification submissions should also be sent to:—

Director of Public Works
Bandar Seri Begawan
State of Brunei

not later than Monday 1st. February 1982.

Contractors already registered with PWD Brunei are required to give particulars of their registration, other Contractors are required to give particulars of their registration elsewhere.

No reasons will be given as to why a particular contractor or manufacturers is not shortlisted.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Pegawai Pelajaran dan Guru

MEMPELAWA chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai untok memenohi jawatan2 PEGAWAI PELAJARAN dan GURU yang akan mengajar mata2 pelajaran umom dengan menggunakan Bahasa Inggeris sa-bagai penghantar bagi Sekolah2 Menengah Arab di-Brunei. Mata2 pelajaran yang di-kehendaki ada-lah saperti berikut:—

a) Bahasa Inggeris
b) Ilmu Hisab
c) Sains
d) Ilmu Alam
e) Sejarah

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman mengajar.
b) Keutamaan di-berikan kapada chalon2 yang mempunyai kelayakan tambahan dalam mata-pelajaran2 yang di-ajar.

**Gaji:**

a) **Guru2 Terlateh Tidak Berijazah:—**
T. 7 — B$875-915-955-995-1035-1075-1115-1155-1195-1235-1275-1315-1355 /EB/ 1395-1435-1475-1515-1555-1605-1655-1705-1755-1805.

b) **Guru2 Terlateh Berijazah (Ijazah Am):—**
T. 8 — B$1090-1120-1150-1180-1210-1245-1285-1320-1355-1405-1455-1505-1555/ EB / 1625-1695-1765-1835-1905-1975-2045-2115-2185-2255.

c) **Guru2 Terlateh Berijazah (Ijazah Kepujian):**
T. 9 — B$1335-1380-1425-1470-1515-1560-1620-1680-1740-1800-1870-1940-2010/ EB / 2080-2150-2220-2290-2360-2430-2500-2570-2640-2710.

d) **Pegawai Pelajaran**—Ijazah Kepujian serta kelulusan ikhtisas pendidekan (Diploma atau Sijil Perguruan) dan mempunyai pengalaman mengajar lima tahun.
B. 2 EB. 3 — B$1975-2050-2125-2205-2285-2365-2445-2525-2610-2690-2775-2870-2965-3070-3175-3280/EB / 3350-3445-3540-3640.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Februari, 1982.

(E/2097-81 — Bil: 240-1981)

## Brunei Shell Petroleum Co, Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. EPS/000152/81
   CATEGORY 2
   Construction of an extension to the site office and store building at New Refinery area, Seria.
2. TENDER No. EPS/000151/81
   CATEGORY 4
   The construction of Radio Room Modification at Tutong.
3. TENDER No. LEN/000149/81
   CATEGORIES 6 & 32
   Installation of Champion Gas Line from Gas Metering Station to Fuel Gas Station.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa untok menghantarkan tawaran mereka bagi menjalankan perkhidmatan Kantin Sekolah Ugama yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei:—

i) Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna di-Batu 1½, Jalan Tutong.

2. Tawaran hendak-lah di-hantarkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan tidak lewat pada 18hb. Januari, 1982 hari Ithnin jam 4.00 petang dengan sampul yang tertutop hanya dengan menulis perkataan 'Tawaran Kantin Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Brunei'.
3. Wang Pendahuluan mengenai perkara ini ada-lah di-kehendaki di-bayar sa-banyak $50.00 (Lima puloh ringgit sahaja) ka-Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei, Tingkat Pertama, Bilek No: 202 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka hingga 16hb. Januari 1982 hari Sabtu jam 11.00 pagi.
4. Jika pemborong2 berhajat pada mendapatkan penerangan2 lebeh lanjut mengenai perkara itu serta sharat2 tawaran mengenai-nya, maka Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan boleh-lah di-hubongi.
5. Jika tawaran lewat di-terima dari tarikh, waktu yang di-tetapkan di-atas tidak akan di-layan.
6. Pada kebiasaan-nya tempoh perkhidmatan kantin akan di-pertimbangkan sa-lama 2 tahun mulai dari tarikh yang di-tetapkan dalam perjanjian.
7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

## TAWARAN JABATAN SETOR & PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-hingga 12.00 tengah hari, hari Selasa 19hb. Januari, 1982 bagi membekalkan barang2 yang tersebut di-bawah untok Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, Brunei.

TAWARAN Bil.82/81 — Pembekalan Galvanised Continuos Butt Welded Steel Pipe to BSS 1387/1967 Class Medium Screwed and Socketed Ends in Standard Length of 20 feet with Thread to BSS 21 Unsocketed Ends to be Suitable Protected against Damaged.

TAWARAN Bil.83/81 — Pembekalan Circular Manhole Covers and Frames Grade 'B' (Medium Duty) 22" Clear Opening to meet the requirement of BS: 497 pt. 1 1971 inscribed "SEW"'

TAWARAN Bil.84/81 — Pembekalan BATTERIES FOR MOTOR VEHICLES.

TAWARAN Bil.85/81 — Pembekalan Fastex Crimp seal (Water Meter Seal & Accesorries)

Butir2 lanjut mengenai sharat2 tawaran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor dan Perbekalan Negara Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu2 bekerja.

## SA-BAGAI PEGAWAI BELIA DAN SOKAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEGAWAI BELIA DAN SOKAN di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 40 tahun.
b) Lulus sekurang2-nya dua mata-pelajaran perengkat biasa dalam pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya.
c) Mesti-lah boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
d) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai Sijil atau Diploma yang di-iktiraf dalam latehan Jasmani.
e) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b), tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan sekurang2-nya sa-lama lima tahun boleh juga di-pertimbangkan. Mempunyai pengalaman dalam kegiatan2 Belia dan Sokan ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri dan bersedia untok bertugas bila masa di-kehendaki di-luar waktu pekerjaan biasa.

**Tangga Gaji:**

D. 3-4 EB. 5—$720-755-790-825-860-900-980 - 1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 / EB / 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan besama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Januari, 1982.

(E/987/74—Bil: 237/1981)

## Sa-bagai Tradesman Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TRADESMAN TINGKAT I di-Pejabat Daerah Kuala Belait, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas Lima (V) dan Kelas Sebelas (XI) dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu.
c) Lulus Darjah V sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
d) Mesti-lah boleh membaiki kerosakan2 kechil kenderaan2 ringan dan mesen2.
e) Berpengalaman dan pernah bekerja sa-bagai sa-orang Tradesman di-sa-sebuah Workshop Motor/Mesen2 ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2:**

Pemohon2 mesti-lah bersedia bertugas sa-bagai Pemandu atau membantu kerja membaiki kerosakan2 kenderaan/mesen, dan mesti-lah bersedia untok bertugas di-luar waktu bekerja yang lazim-nya bagi kakitangan Kerajaan.

**Tangga Gaji:**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan besama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Januari, 1982.

(E/1033/78)

(Bil: 2291/1981)

## Sa-bagai Pemandu Kereta Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMANDU KERETA TINGKAT II di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 40 tahun dan hendak-lah tahu menulis dan membacha dalam Bahasa Melayu.
b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.
c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas II ada-lah merupakan satu kelebehan.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 sahaja di-dalam Negeri.

**Tangga Gaji:**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/ 530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewet dari 13hb Januari, 1982.

(E/859/77)

(Bil: 235/1981)

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat pada 26hb. Januari, 1982 jam 4.00 petang untok "MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI2 PENJARA, MEMBEKALKAN KAIN DAN UPAH".

2. Penawar2 ada-lah di-pelawa untok menyebutkan harga membekalkan kain dan upah menjahit tiap2 sa-helai pakaian seragam bagi di-sepanjang tahun 1982, saperti berikut:—

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Kemeja Kuning Panjang Tangan (Shirt Khaki Dacron L/S- | — 1 helai |
| 2. | Seluar Panjang Kuning (Slack Khaki Dacron) | — 1 helai |
| 3. | Bush Jacket Khaki Dacron | — 1 helai |
| 4. | Skirts Khaki Dacron | — 1 helai |
| 5. | Baju Mess Jacket Puteh (Mess Jacket White Dacron) | — 1 helai |
| 6. | Tunic Puteh (Tunic White) | — 1 helai |
| 7. | Seluar Panjang Hitam (Slack Black Dacron) | — 1 helai |
| 8. | Chara Melayu | — 1 helai |
| 9. | Seluar Panjang Puteh (Slack White Dacron) | — 1 helai |
| 10. | Seluar Pendek Puteh (Short White Drill) | — 1 helai |
| 11. | Epaulette Rifle Green | — 1 helai |

3. Tawaran2 yang lewat di-terima dari tarikh dan waktu yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan.
4. Semua pakaian seragam hendak-lah di-jahit dengan memuaskan hati Penguasa Penjara. Jika sekira-nya tidak memuaskan, semua pakaian seragam yang telah di-jahit itu akan di-kembalikan kapada pemborong berkenaan untok di-perbaiki dengan tidak mengenakan apa2 bayaran lebeh. Benang yang di-gunakan bagi menjahit semua pakaian akan di-tentukan oleh Penguasa Penjara.
5. Kontrek ini boleh di-berhentikan oleh kedua belah pehak dengan memberi dua (2) bulan notis sa-chara bertulis.
6. Semua tawaran mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat yang bertutop dan sampul surat tersebut di-tulis dengan perkataan "MENJAHIT PAKAIAN2 SERAGAM PEGAWAI2 PENJARA", tanpa membuboh nama penawar2 itu.
7. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang lebeh murah atau yang sa-umpama-nya.

## Sa-bagai Atendan Perpustakaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai ATENDAN PERPUSTAKAAN di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah sakurang2-nya mendudoki Tingkatan V dan dapat menguasai dua bahasa (satu daripada-nya Bahasa Melayu); dan

b) Dapat membacha dan menulis Jawi dengan baik.

c) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman yang luas mengenai dengan kerja2 Atendan sa-kurang2-nya sa-lama 5 tahun dan pernah mengikuti kursus2 perpustakaan boleh juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji:**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb. Januari, 1982.

(E/911/72 — Bil: 233/1981)

# Tenaga berkemahiran maseh di-perlukan oleh negeri ini

Dari muka 1

Dalam pada itu, Yang Amat Berhormat berkata, dengan ada-nya keperluan2 yang mendesak untok terus berkembang kita maseh memerlukan tenaga2 tertentu dari luar negeri istimewa pegawai2 profeshenal dan pakar2 serta pembantu dalam projek kerajaan Baginda.

Kapada mereka ini, Yang Amat Berhormat menegaskan sunggohpun tenaga mereka sangat2 di-perlukan, tetapi kerajaan tidak akan membiarkan orang2 yang ingin menchabuli keikhlasan ini.

Mereka itu, tegas-nya, hendak-lah memahami kedudokan mereka dan kerajaan tidak akan berlengah mengambil tindakan2 yang sesuai terhadap siapa jua yang tidak mengindahkan dan menyelewengkan kedudokan dan sifat bermurah hati kerajaan.

## MENIMBULKAN

Kebawah DYMM, jelas Yang Amat Berhormat telah menitahkan hasrat antara lain untok menimbulkan sistem pentadbiran yang bertanggong-jawab, berdisiplin, berseh dan boleh pula memainkan peranan yang efektif lebeh2 lagi di-saat Brunei menchapai semula taraf kemerdekaan-nya.

Ka-arah itu, kata-nya, kerajaan telah melakukan beberapa perubahan pada mensesuaikan dengan usaha-usaha akan di-jalankan oleh kerajaan Baginda pada membisaikan dan meluruskan lagi pemerentahan dalam negeri ini.

"Saya penoh yakin dengan izin Allah dan dengan tekad dan azam serta kerjasama dari seluroh kakitangan dan pegawai2 kerajaan Baginda serta dorongan dan sokongan dari orang ramai kita akan dapat menghampiri matalamat2 yang di-hasratkan itu," jelas Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menekankan bahawa sabagai masharakat yang sapenoh-nya bertanggong-jawab hendak-lah sedar betapa penting-nya semangat keimanan itu pada memberikan kerjasama dan sumbangan dalam apa jua usaha berkebajikan.

## TEMPOH

"Tempoh kita mengkeritik sa-sama sendiri, tempoh kita ancham-mengancham sa-sama sendiri dan tempoh kita mengechilkan usaha sa-sama sendiri ada-lah perkara lepas dan tidak boleh di-amalkan lagi. Raayat yang bertanggong-jawab ada-lah mereka yang boleh berhadapan dengan kenyataan dan berani memikul tanggong-jawab mereka," kata-nya.

Sa-balek-nya, kata Yang Amat Berhormat, mereka yang segan berusaha dan hanya tahu untok berchakap2 di-sa-balek dinding atau yang suka terus menjadi 'parasite' tidak mempunyai tempat masharakat kita dalam zaman baru ini.

Terdahulu dalam perutusan itu, Yang Amat Berhormat menegaskan bahawa tahun 1982 yang akan kita lalui ini ada-lah merupakan tahun yang penoh dengan chabaran istimewa chabaran2 dari segi isu2 yang harus kita selesaikan atau mulai di-selesaikan sa-belum menjelang hari kemerdekaan penoh bagi Negeri Brunei Darussalam yang kita chintai ini.

Dengan sebab itu-lah, tegas Yang Amat Berhormat, raayat dan pendudok negeri ini yang telah di-korniakan oleh Allah s.w.t., pada melalui tahun2 yang sudah dengan penoh keimanan sa-harus-nya dapat menjelmakan diri sabagai raayat dan pendudok yang lebeh matang dalam apa jua aspek kehidupan.



Awang Mohd Kassim.

# Kerajaan buka Agency di-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan lantekan Awang Mohd. Kassim bin Haji Johan bagi mengepalai Agency Kerajaan Brunei di-Kuala Lumpur. Pejabat Agency di-Kuala Lumpur itu telah di-mulakan pada 31hb. Disember, 1981 yang lalu.

Serentak dengan itu, Kerajaan Malaysia juga telah membuka Agency-nya di-Bandar Seri Begawan. Inche Mohd. Taufik bin Mohd Noor telah di-lantek sa-bagai Pemangku Wakil Kerajaan Malaysia di-Brunei.

# PIALA BORNEO AGAR KEKAL DI-BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berikutan dengan kejayaan Brunei memenangi Piala Borneo yang menjadi rebutan pasokan2 bola-sepak tiga wilayah itu, harapan terus di-pupok agar piala yang di-korniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dapat di-kekalkan di-Brunei.

## KEYAKINAN

"Kejayaan Brunei merebut semula sa-telah Piala itu berada di-luar Brunei begitu lama, ada-lah memupok keyakinan kita yang Piala itu akan terus di-usahakan agar tidak berpindah tangan," demikian harapan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman dalam satu majlis perjumpaan di-sebuah hotel terkemuka yang khas di-adakan bagi mera'ikan kejayaan pasokan bola-sepak Kebangsaan Brunei itu pada malam hari Isnin lepas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan juga yakin bahawa kemenangan Brunei itu akan menjadi perangsang dan dorongan serta lebeh menguatkan semangat pasokan bola-sepak kita itu untok menchapai kemenangan2 yang lebeh dari itu.

Pasokan kita memang mempunyai semangat dan kebolehan dan Yang Berhormat itu berharap yang pasokan Brunei itu akan terus berazam bagi kejayaan mereka seterus-nya terutama dalam perlawanan Piala Malaysia.

Naib Yang Dipertua, Persatuan Bola-sepak Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh telah melahirkan azam pasokan Brunei itu akan terus berusaha bagi mempertahankan Piala Borneo itu.

## SOKONGAN2

Yang Amat Mulia itu menyambut baik dan berterima kaseh kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menumpukan perhatian berat terhadap kemajuan sokan di-Brunei, dan berharap agar sokongan2 akan terus berjalan.

Yang Amat Mulia itu mengakui bahawa kejayaan pasokan Brunei itu ada-lah dengan kerjasama yang di-berikan begitu erat dari semua pehak di-negeri ini, dan yang demikian, Yang Amat Mulia itu yakin yang Brunei akan menchapai kejayaan2 yang di-hajatkan.

Di-majlis itu, Piala Borneo telah di-serahkan kapada Pengarah Muzium2, Pengiran Dato Paduka Sharifuddin dan Piala itu akan di-pamerkan di-Muzium Brunei untok di-saksikan oleh orang ramai.

Dalam majlis itu juga, pemain2 bola-sepak Kebangsaan Brunei itu telah menerima chenderamata dari Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan juga bergambar ramai dengan mereka.

# Sambutan Maulud di-daerah2

Dari muka 1

lah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain sa-belum berarak mengelilingi Pekan Tutong.

Sambutan di-Daerah Belait akan di-adakan di-Padang KBRC sa-belum peserta2 yang mengambil bahagian berarakan mengelilingi Pekan Belait. Sementara di-Daerah Temburong akan bermula dengan perhimpunan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Pekan Bangar.

Di-samping perarakan, berbagai2 achara lain juga akan di-adakan di-sepanjang bulan Rabi'ul Awal yang mulia ini.

Thema sambutan Maulud tahun ini ia-lah 'Kejujoran Asas Kejayaan'.

# Pendaftaran Kelas Dewasa

GADONG.—Pendaftaran kini sedang di-buka bagi Kelas2 Pelajaran Dewasa, Pelajaran2 Trengkas, Menaip, Bahasa Inggeris, Urusan Rumah Tangga, Membenteras buta huruf (Pelajaran rendah Melayu) dan sijil Rendah Pelajaran Brunei, bagi persekolahan tahun 1982 di-Sekolah Melayu Rendah Kampong Mata-Mata Gadong dan sekitar Mukim Gadong.

Pendaftaran boleh-lah di-buat dari sekarang melalui Penyelia Pelajaran Dewasa atau guru2 yang mengajar pelajaran tersebut di-sekolah itu. Pendaftaran akan di-tutop sa-hingga bulan Januari 1982.

# Uchapan Penolong Pegawai Daerah

Uchapan di-Majlis Penutop Kempen Minggu Kesihatan di-Daerah Temburong yang di-siarkan di-muka 24, keluaran 23hb. Disember, 1981, di-bawah tajok 'Utamakan kebersehan fizikal, spiritual dan mental' di-uchapkan oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ibrahim bin Haji Karim dan bukan-nya di-uchapkan oleh Pegawai Perubatan dan kesihatan, Dr. E.L. Ryan.

Kami memohon maaf atas kesilapan yang tidak di-sengajakan itu — Pengarang.

# Keputusan SRPB/BJCE

Dari muka 1

menchapai keputusan saratus peratus ia-itu Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir masing2 dengan chalun 144 orang dan 124 orang.

Di-samping peratus kelulusan yang di-chapai meningkat kapada 83.29 peratus tahun ini chalun2 sekolah dari aliran Inggeris kerajaan menampakkan kemerosatan dalam penchapaian pangkat dari yang di-perolehi tahun lalu dengan 551 orang mendapat pangkat satu, 1120 orang mendapat pangkat dua dan 228 orang mendapat pangkat tiga.

Manakala itu chalun aliran Inggeris bukan kerajaan juga pada tahun ini menampakkan kelulusan yang baik dengan sa-buah sekolah menchapai saratus peratus lulus ia-itu Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dengan jumlah chalun 36 orang.

Sa-ramai 456 orang chalun mendudoki, 401 orang chalun lulus ia-itu 87.94 peratus dengan 263 mendapat pangkat satu, 119 mendapat pangkat dua dan 19 mendapat pangkat tiga.

Chalun2 persendirian seluroh negeri tahun ini memperolehi 282 orang lulus dari 606 orang mendudoki ia-itu 46.53 peratus dengan hanya 11 orang pangkat satu, 108 pangkat dua dan 163 pangkat tiga di-dalam aliran Inggeris. Manakala aliran Melayu pula hanya 85 orang lulus dari 160 orang chalun mendudoki ia-itu 53.13 peratus. Sa-orang daripada-nya mendapat pangkat satu, 27 pangkat dua dan 57 mendapat pangkat tiga.

Keputusan penoh Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei di-siarkan di-muka 10. Sementara keputusan peperiksaan tersebut dalam aliran Inggeris akan di-siarkan dalam keluaran minggu depan.

# 2,476 orang terpileh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 2,476 orang murid dari 106 buah sekolah rendah di-seluroh negeri kini telah terpileh untok memasoki Sekolah Persediaan Inggeris di-negeri ini tahun ini. Mereka telah berjaya dalam peperiksaan pemilehan ka-Sekolah Persediaan Inggeris yang di-adakan dalam bulan Oktober lalu.

Jabatan Pelajaran mengumomkan Guru2 Besar sekolah yang berkenaan boleh-lah mendapatkan nama2 murid yang lulus melalui Penyelia2 Sekolah di-daerah masing2.

Sementara itu, murid2 yang berjaya dalam pemilehan tersebut ada-lah di-nasehatkan supaya mendapatkan borang permohonan memasoki Sekolah Persediaan Inggeris melalui Guru2 Besar.

# 2,647 lulus P.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 2,647 orang murid dari 53 buah Sekolah Persediaan Inggeris Kerajaan, Sekolah2 Misi, China dan Pribet telah lulus dalam Pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah (Primary Certificate of Education) yang di-adakan tahun lepas. Ramai murid yang mendudoki pepereksaan tersebut ia-lah 4,077 orang dan peratus kelulusan ada-lah bersamaan dengan 65.93 peratus.

Sekolah PGGMB, Bandar Seri Begawan mengekalkan kedudokan-nya sa-bagai sekolah yang mendapat 100% lulus. Kesemua 29 orang chalun yang mendudoki pepereksaan tersebut telah lulus. Tahun lalu sekolah tersebut juga mendapat keputusan yang sama.

Ini di-ikuti oleh SPI Kuala Belait dengan memperolehi 94.08% lulus; SPI Sengkarai — 92.86%; Sekolah St. Margaret's — 92.59 dan SPI Panaga — 90.00%.

Pepereksaan tersebut telah di-adakan di-seluroh negeri pada 25hb dan 26hb Oktober yang lalu bagi melayakkan murid2 tersebut memasoki sekolah2 menengah.

# Kerosakan akibat angin kenchang

SERIA. — Beberapa buah bangunan dan rumah2 telah rosak akibat satu kejadian angin kenchang yang berlaku di-sini pada pagi Ahad lalu.

Bangunan yang paling terjejas ia-lah barek Jabatan Bomba, di-mana sa-bahagian dari atap-nya telah di-terbangkan oleh angin dan kejadian itu juga telah memusnahkan sa-bahagian kechil dari harta benda penghuni-nya.

Kejadian yang berlaku kira2 pukol 7.00 pagi itu juga telah merosakkan bahagian atap tiga buah sekolah, Maktab Anthony Abell, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Sekolah St. Michael. Sa-lain dari itu beberapa buah barek Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad juga turut terjejas.

Kerja2 pembersehan dan pembaikan kerosakkan yang di-akibatkan oleh kejadian tersebut telah bermula pada hari itu juga oleh pehak sukarela Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.